

NEGERI YANG SEMBILAN

(1ST PAGE PROOFS)


NORMALAH MUHAMMAD IBRAHIM

KOLEKSI


NORMALAH MUHAMMAD IBRAHIM

NEGERI YANG SEMBILAN

Daerah kecil pusaka adat warisan kerajaan berdaulat




NORHALIM HJ. IBRAHIM



Negeri yang Sembilan

Daerah Kecil Pusaka Adat
Warisan Kerajaan Berdaulat



Norhalim Hj. Ibrahim



SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD
1995

Author's Copy

1st Page Proofs

(Chap 1 - 10)


16/6/95


Negeri yang Sembilan
Warisan Satu Peradaban



Sdr Nurhain

Kita mungkin akan menuliskan tajuk
kepada :

[NEGERI YANG SEMBILAN
daerah kecil pesaka adat
warisan kerajaan berdaulat .]




16/6/95



Negeri yang Sembilan

Warisan Satu Peradaban



Norhalim Hj. Ibrahim



SHAH ALAM
PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.
1995

*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4 Jalan U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan*

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1995


ISBN 967 65 3536 2

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
mekanik, penggambaran semula, perakaman
dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu
daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

*Teks diset dalam ITC Century Light 10 poin
Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Polygraphic (M) Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan*

Isi

<i>Prakata</i>	v
<i>Pendahuluan</i>	vii
1 PENGENALAN	1
2 PEMBUKAAN REMBAU	14
3 PENDUDUK AWAL REMBAU	31
4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU	43
5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU	62
6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG	73
7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT	85
8 KEDATANGAN KUASA BARAT	93
9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA	104
10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU	125
11 BUGIS DI REMBAU	141
12 YANG DIPERTUAN REMBAU	172
13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU	222
14 CAMPUR TANGAN INGGERIS DI REMBAU	259
15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL	305
16 ERA BARU	317
<i>Lampiran</i>	328
<i>Bibliografi</i>	347



Isi

- 1 PENGENALAN
- 2 PEMBUKAAN REMBAU
- 3 PENDUDUK AWAL REMBAU
- 4 KEDATANGAN ORANG MINANGKABAU
- 5 PEMBUKAAN PERKAMPUNGAN ORANG MINANGKABAU
- 6 INSTITUSI PENGHULU/UNDANG
- 7 PEMBUKAAN REMBAU DARAT
- 8 KEDATANGAN KUASA BARAT
- 9 REMBAU DI ZAMAN BELANDA DI MELAKA
- 10 KEDATANGAN PUTERA RAJA MINANGKABAU
- 11 BUGIS DI REMBAU
- 12 YANG DIPERTUAN REMBAU
- 13 SUNGAI LINGGI, SIMPANG DAN REMBAU
- 14 CAMPUR TANGAN INGERIS DI REMBAU
- 15 PEMECATAN DATUK HAJI SAHIL
- 16 ERA BARU



M.B.N.S. 1.69

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

SRTITIS TINTA

Ketabahan yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita cerita, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang mengannggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku Negeri Yang Sembilan ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan negeri Sembilan Darul Khusus di samping menggalakan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan.

Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Atas nama Kerajaan Negeri, rakaman penghargaan kepada penyusun buku ini.

Salam hormat.

{DATO' SERI UTAMA TAN SRI D. M. MOHD ISA DATO' ILYA ABD SAMAD}

Author's Copy
21/6/95

Prakata

KEFAHAMAN yang sempurna tentang keadaan negeri dan masyarakat di mana kita tinggal sekarang hanya dapat diperolehi melalui pengkajian sejarah. Sejarah memberikan kita deria, identiti dan tempat di samping menjelaskan keadaan hari ini, dan memberikan kunci untuk masa hadapan. Dengan itu, sejarah mempunyai kaitan dan penerapan praktikal dalam usaha sesuatu masyarakat itu membangun.

Negeri Sembilan adalah sebuah negeri yang pesat membangun. Tetapi sehingga ke hari ini sangat terasa ketiadaan penulisan sejarah, khususnya dalam bahasa Melayu tentang negeri-negeri yang menganggotai Negeri Sembilan itu. Negeri-negeri tersebut sekarang telah bertaraf Luak atau daerah. Berbeza dengan daerah-daerah di negeri Melayu lain, hampir setiap daerah dan Luak di Negeri Sembilan ini pernah suatu ketika (sebelum abad ke-20) berdiri sebagai sebuah kerajaan bebas, merdeka dan berdaulat.

Buku *Negeri Yang Sembilan* ini mungkin merupakan buku sejarah politik Luak dan daerah Negeri Sembilan yang pertama dibukukan. Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus di samping mengalukan, menyokong dan menghargai, juga menggalakkan usaha seperti ini. Moga-moga selepas terbitnya buku ini, banyak lagi buku dan penulisan yang berkaitan dengan sejarah Negeri Sembilan secara umum, ataupun sejarah Luak tertentu dapat diterbitkan. Dengan itu, masyarakat Negeri Sembilan hari ini dan generasi akan datang mendapat ilham dan wawasan untuk meneruskan perjuangan negarawan negeri kita dahulu dalam membangunkan Negeri Sembilan Darul Khusus sejajar dengan kehendak sejarah, masa dan persekitaran.

Kepada penyusun buku ini, bagi pihak kerajaan negeri, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

Salam hormat.

DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD. ISA
BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD

✓ 67

Pendahuluan

PENYUSUNAN dan penulisan *Negeri Yang Sembilan* ini adalah suatu percubaan mengumpulkan bahan-bahan sejarah tentang Kerajaan Rembau. Setakat yang diketahui, belum ada lagi penulisan yang khusus tentang perkembangan politik kerajaan ini. Kebanyakan penulisan yang ada tentang Rembau adalah berkenaan dengan adat dan istiadatnya dengan menyentuh mana yang perlu, sejarah perkembangan politiknya. Fakta dan data sejarah negeri kecil ini sering disentuh dan dibincangkan dalam pensejarahan negeri-negeri Melayu lain. Kebanyakan data dan fakta itu tertulis dalam bahasa asing seperti Inggeris, Belanda dan Portugis. Belum ada lagi sebuah penulisan yang khusus dalam bahasa Melayu tentang sejarah 'Rembau dan Negerinya yang Sembilan.'

Maka adalah tujuan utama penyusunan buku ini untuk mengumpulkan data dan fakta yang bertaburan itu ke dalam suatu penulisan yang mengikut kronologi perkembangan sejarah politik Kerajaan Rembau. Bahan dan sumber yang digunakan untuk penulisan terhad kepada yang ada dalam simpanan penyusun. Dengan itu diperakui bahawa penulisan ini, sebagai langkah pertama dalam menyusun semula sejarah pembangunan politik sebuah negeri yang ketandusan dokumentasi sejarah sendiri, banyak kelemahan dan kekurangannya. Adalah diharapkan bahawa kelemahan dan kekurangan penulisan ini akan menjadi petunjuk dan landasan kepada peminat, penuntut dan ahli sejarah berikutnya untuk memperbaikinya dengan membuat penyelidikan yang lebih terperinci agar tersusun satu pensejarahan kerajaan Rembau dan Negerinya yang Sembilan yang lebih mantap.

Kerajaan Rembau telah bangun selepas jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka. Ianya bukan sebuah empayar seperti Johor yang sezaman dengannya ataupun Melaka sebelumnya. Rembau adalah sebuah kerajaan kecil tetapi berjiwa besar. Kerajaan ini untuk lebih kurang 340 tahun, telah dapat mempertahankan diri dan kedaulatannya daripada dijajah. Bagi sebuah negara kecil, ini merupakan suatu kejayaan yang cemerlang. Kejayaannya mempertahankan diri mungkin diinspirasikan oleh sistem kemasyarakatan—*Adat Perpatih*—yang mereka amalkan. Mulai dari awal kedatangan Barat, Portugis, rakyat Rembau telah sanggup bertumpah

PENDAHULUAN

darah dan berkorban nyawa untuk memastikan kebebasan diri dan negerinya. Dalam persejaraan negara kecil ini tidak ada satu individu yang ditonjolkan, seperti halnya Datuk Bahaman di Pahang atau Datuk Maharaja Lela di Perak kerana dalam masyarakat adat ini, setiap anggota masyarakat itu adalah sama rata. Kepentingan yang ditonjolkan bukannya kepentingan individu tetapi kepentingan kelompok yang bersatu padu. Demi kepentingan bersama ini dan demi mempertahankan pusat kedaulatannya, kerajaan Rembau sanggup mengorbankan wilayahnya asal-kan keseluruhan kerajaannya tidak dijajah. Namun akhirnya kerajaan Rembau terpaksa juga mengikut alur yang telah diteroka oleh kerajaan Melayu lain yang lebih besar daripadanya, iaitu tunduk di bawah penjajahan Inggeris.

Rembau dan Negerinya yang Sembilan dapat bertahan begitu lama disebabkan antara lain, kukuhnya kesatuan rakyatnya mengamalkan sistem adatnya. Apabila keharmonian adat itu tercabar oleh rasa tamak haloba di kalangan penganut dan khususnya pemimpinnya akibat ketidakutuhan proses kesinambungan sistem adat (yang diturunkan secara lisan dari generasi ke generasi), serta dilemahkan pula dengan kemasukan sistem ekonomi kewangan kapitalis dan individualistis (yang berlawanan dengan falsafah sistem adat) bawaan Inggeris, keutuhan kesatuan masyarakatnya mulai goyang. Ini seterusnya telah menggagalkan dasar sistem kenegaraan kerajaan Rembau dan menghilangkan keunikannya. Kerajaan Rembau menjadi serupa dengan keadaan negeri-negeri Melayu lain, iaitu dilanda anarki. Justeru itu, apabila negeri-negeri Melayu lain ditelan Inggeris, kerajaan Rembau yang merupakan salah sebuah negeri terakhir di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang dinaunginya, juga turut terjajah.

Inggeris mengambil masa tidak kurang daripada 60 tahun untuk menundukkan kerajaan Rembau menerusi penggunaan segala bentuk tipu muslihat termasuk kekuatan senjata. Akhirnya dengan bantuan pembesar negeri-negeri Melayu lain yang telah dinaunginya serta pembesar-pembesar kerajaan Rembau yang telah dipengaruhi, Weld, Gabenor Inggeris pada ketika itu telah mengheret kerajaan Rembau, khususnya Penghulu Datuk Lela Maharaja Haji Sahil ke 'mahkamah'. Dengan menggunakan aspek tertentu undang-undang inggeris dan mengintrepetasi undang-undang Adat Perpatih sesuai dengan keperluan pihak Inggeris, Weld yang menjadi 'hakim' dalam mahkamah tersebut telah menggunakan sepenuh kuasanya untuk memecat dan melantik Penghulu Rembau.

Mulai tarikh itu Rembau menghadapi zaman keruntuhannya. Daripada sebuah negeri yang merdeka, bebas dan berdaulat, dalam tempoh tidak lebih dari empat tahun, Rembau telah menjadi sebuah daerah kecil yang bernaung di bawah daerah (Tampin) yang 300 tahun sebelum itu adalah sebahagian daripada kerajaannya. Hari ini Rembau merupakan sebuah daerah kecil dalam kerajaan Negeri Sembilan moden.

PENDAHULUAN

Di sini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Negeri Sembilan, khususnya YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abd. Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah memberikan galakan, dorongan dan inspirasi serta perhatian dalam usaha saya menyusun dan menerbitkan buku ini. Tanpa sokongan YAB Tan Sri buku ini tidak mungkin diterbitkan dalam bentuknya sekarang. Kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan, khususnya YB Dato' Seri Utama Tan Sri A. Samad Idris selaku pengerusi dan Tuan Haji Muhammad Tainu, setiausaha, juga diucapkan berbanyak terima kasih kerana sumbangan kewangan untuk pembiayaan penyelidikan bagi menyusun buku ini. Kepada Fuad Hashim, jurugambar yang sanggup mengharung sungai dan meredah belukar membantu saya merakamkan tempat-tempat bersejarah di Rembau juga saya ingin merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih. Saya juga terhutang budi kepada ahli jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, kawasan Rembau, terutamanya saudara Nordin Awal dan saudara Mohamad Haji Amoi kerana turut bersusah payah menyediakan dan mendapatkan bahan-bahan untuk buku ini sehingga ia dapat diterbitkan seperti keadaannya sekarang. Saya juga merakamkan terima kasih saya kepada individu-individu lain yang tidak dapat disebutkan nama mereka satu persatu di sini kerana terlalu ramai bilangannya, yang telah membantu saya, sama ada secara langsung ataupun tidak dari mula sehingga terbitnya buku ini.

Akhir sekali patut juga saya nyatakan di sini bahawa kebanyakan gambar dalam buku ini mempunyai rakaman sejarahnya sendiri tetapi ^{ada daripadanya} ~~ia~~ ^{tidak} ~~berkait~~ secara ~~langsung~~ langsung dengan teks yang berakhir apabila masuknya penjajah Inggeris di bumi beradat itu. Tujuan ianya dimasukkan adalah untuk merakamkan dan menjadikannya sebagai dokumen sebelum tempat-tempat tersebut hilang dan musnah dimakan oleh proses perubahan dan pembangunan. Tempat-tempat dan kesan-kesan sejarah kerajaan Rembau yang nyata agak sukar ditemui sekarang. Bekas dan kesan-kesan yang masih ada, jika tidak dilakukan sesuatu yang konkrit oleh pihak yang berkuasa, juga akan turut hilang seperti hilangnya kerajaan dan tamadun adat Melayu Rembau.

Kedatangan Orang Minangkabau

ORANG Minangkabau tergolong ke dalam kelompok manusia yang paling banyak bergerak. Pergerakan ini mengikut konsep budaya Minangkabau diistilahkan sebagai 'merantau'.

Penghijrahan orang Minangkabau mungkin telah bermula sejak dari awal sejarah lagi; berkemungkinan di zaman atau sebelum pembinaan candi Muaro Takuih¹ yang mengikut Schnitger dibina di sekitar abad ke-11-12 Masihi (1964: 37-39)². Tempat tersebut dinamakan Muaro Takuih mungkin sebagai lambang atau petanda ingatan bagi keadaan kehidupan rakyat Minangkabau iaitu sentiasa dalam ketakutan. Era ini, oleh tambo-tambo³ Minangkabau dinamakan sebagai zaman 'Undang-undang Nan Tigo'⁴. Keadaan hidup yang sedemikian ini (sentiasa takut dan cemas) telah menjadi faktor penolak bagi rakyat untuk keluar (berhijrah) dari kampung halaman dan dari Luak Nan Tigo ke kawasan dataran pantai barat (kemudian dikenali sebagai Rantau Pesisir) dan ke kawasan timur (Rantau Timur⁵). Dengan itu wujudlah rantau awal Minangkabau yang terdiri daripada daerah-daerah di sekeliling daerah asal, Luak Nan Tigo.

Keadaan hidup yang meruncingkan ini akhirnya telah menyedarkan pemerintah Minangkabau ketika itu untuk merubah sistem masyarakat Minangkabau. Sistem Undang-undang Nan Tiga diubahsuai dengan sistem baru yang dikenali sebagai 'Undang-undang Tariék-Balieh'⁶. Besar kemungkinan sistem baru ini diperkenalkan di sekitar abad ke-11-12 Masihi, dan pembinaan candi Muara Takuih itu adalah lambang peringatan tentang sistem masyarakat sebelumnya.⁷

Pada mulanya undang-undang baru ini berjalan dengan baik tetapi akhirnya telah menimbulkan keadaan huru-hara kerana orang ramai telah mentafsirkan undang-undang tersebut menurut tafsiran sendiri. Akibatnya penghukuman sesuatu 'jenayah' atau sesuatu 'kesalahan' telah dijalankan oleh orang perseorangan secara sendirian tanpa isbat daripada hakim. Ini telah mencetuskan pergaduhan, malahan peperangan di antara suku, antara kampung, berdasarkan 'dandam jo kasumat' dan perbuatan ini telah menjadi acara harian. Keadaan huru-hara itu telah sekali lagi menolak dan menggalakkan individu dan/atau kumpulan individu tertentu untuk keluar dari Luak Nan Tigo dan membuka petempatan baru yang terpencil atau pindah ke Rantau Pesisir dan Rantau Timur yang telah dibuka oleh penghijrah sebelumnya.

Selain daripada faktor sosiobudaya yang dinyatakan di atas, orang Minangkabau merantau, terutamanya ke kawasan timur (Rantau Timur) juga atas tujuan ekonomi. Orang Minangkabau adalah kaum petani. Komoditi yang paling diperlukan oleh para pedagang China, India dan Parsi sejak tahun 500 Masihi lagi adalah lada. Pusat-pusat perdagangan utama sejak abad tersebut sehingga abad ke-14 terletak di kawasan pantai timur Pulau Sumatera. Keperluan 'untuk mencari dan meneroka daerah yang subur' (Mansoer, dll., 1970:39) untuk pertanian, telah membuatkan mereka berpindah ke kawasan tersebut, terutamanya 'di tepi sungai-sungai besar, dekat muara dan laut' (Mansoer, dll., 1970:40). Kawasan tersebut, dari segi ekonomi ketika itu adalah 'jauh lebih menguntungkan daripada Alam Minangkabau di dataran tinggi Bukit Barisan' kerana ianya 'lebih terbuka bagi lalu lintas air dan dengan sendirinya bagi hubungan dagang dengan daerah-daerah jauh di luar Alam Minangkabau' (Mansoer, dll., 1970:40). Di samping itu, dengan menjalankan aktiviti pertanian di sekitar kawasan pusat perdagangan tersebut, hasil yang didagangkan adalah lebih segar daripada yang diusahakan di pedalaman, di dataran tinggi Bukit Barisan. Justeru itu wujudlah Rantau Timur Minangkabau.

Seandainya saranan yang mengatakan Muara Takuih dinamakan sebagai lambang tamatnya era Undang-undang Nan Tigo dan bermulanya zaman Undang-undang Tariék-Baliéh, yang juga akhirnya mewujudkan keadaan hidup yang tidak banyak berbeza dengan keadaan sebelumnya, dan dikuatkan lagi dengan adanya keperluan ekonomi maka pendapat Marsden tentang penghijrahan orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu ini bermula dengan pembukaan Temasik (Singapura sekarang) abad ke-12, kalau pun tidak tepat, tidak banyak lari dari kenyataan sebenarnya (1811, cetakan semula 1966:333).

Mengikut Marsden, orang Minangkabau yang telah membuka Temasik itu adalah pengikut atau di bawah pimpinan Sang Nila Utama yang kemudian bergelar Sri Tri Buana⁹. Pandangan Marsden yang mengatakan bahawa Sri Tri Buana itu berasal dari Minangkabau adalah bercanggah dengan anggapan umum. Kebanyakan sarjana, penulis dan pengkaji sejarah Melayu berpendapat Sri Tri Buana berasal dari daerah Palembang sekarang, dan bukannya dari Minangkabau. Walau bagaimanapun, pandangan Marsden ini telah mendapat sokongan kuat dari Wolters.

Wolters dalam kajiannya tentang kejatuhan Srivijaya telah memberi keterangan lanjut tentang kedudukan Palembang, ibu kota Srivijaya pada ketika Sri Buana membuka Temasik. Katanya:

Menjelang penghujung abad ke-11, ibu kota Kerajaan Melayu pindah dari Palembang ke Jambi lebih ke utara di tepi pantai yang sama, Srivijaya, dengan ibu kota Palembang dalam erti kata sebenarnya, ~~tidak~~ ^{kini,} tidak ada lagi, namun para ahli telah terbiasa memakaikan istilah tersebut dalam makna kerajaan yang diperintah dari Jambi dan kemudiannya dari pedalaman Minangkabau. . . (Wolters, 1970:2).

Para penulis lain seperti Loeb (1935), Jasselin de Jong (1951) dan Wilkinson, (1911) telah pergi lebih jauh lagi dengan menyatakan bahawa seluruh penduduk Semenanjung adalah berasal dari Minangkabau. Andaian terakhir ini agak terlalu umum lagi menyeluruh dan sukar diterima kebenarannya.

Berdasarkan pendapat Marsden dan Wolters dapatlah kita mengandai-kan bahawa orang Minangkabau telah mula sampai ke Semenanjung di sekitar akhir abad ke-11 dan awal abad ke-12. Pada abad-abad berkenaan orang Minangkabau mungkin hanya berhijrah ke bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu mungkin bertumpu ke Temasik terutamanya dan juga ke Hujungmedini (Johor).

Temasik telah wujud sejak akhir abad ke-11 dan awal abad ke-12 lagi. Pada ketika itu ia adalah sebahagian daripada empayar Srivijaya, dan mungkin merupakan salah satu pusat perdagangannya di selatan Semenanjung. Kepentingan Temasik ini terbukti apabila ia menjadi salah satu daripada sasaran dalam siri serangan Rajendra, Raja Chola ke atas Kerajaan Srivijaya pada tahun 1025 (Hall, 1971: 75-76).

Apa yang penting tentang peristiwa ini kepada kita ialah fakta yang menyatakan Temasik telah wujud sebagai pusat perdagangan pada abad ke-12. Fakta ini mungkin dapat menyokong kenyataan yang menyatakan tentang kedatangan perantau Minangkabau ke Temasik pada abad tersebut. Oleh sebab Temasik adalah pusat perdagangan, jadi ianya adalah lanjutan kawasan perantauan orang Minangkabau selepas merantau ke Sumatera Timur (Rantau Timur Minangkabau). Kemudian, dengan menggunakan Temasik dan mungkin Hujungmedini 'pelarian'⁹ dan peneroka serta pedagang Minangkabau telah pula merantau ke bahagian kawasan tengah Semenanjung, terutama di Kelang dan Sang Hyang Hujung (kawasan Tanjung Tuan dan Kuala/Muara Sungai Linggi sekarang). Penghijrahan ke kawasan tengah ini mungkin berlaku selepas kejatuhan Srivijaya dan kebangkitan Majapahit. Di zaman Kerajaan Majapahit, selain daripada Temasik, Kelang dan Sang Hyang Hujung juga telah menjadi pusat perdagangan di Selat Melaka.

Daripada huraian di atas nyatalah bahawa pada mulanya perantau itu keluar untuk 'lari' dan/atau menjadi peneroka tanah pertanian. Di rantau, bermula di Pantai Timur Pulau Sumatera mereka telah menjadi petani serta pedagang. Kemudian, mereka menjadi lebih aktif dalam perdagangan terutama sekali apabila mereka merantau ke Temasik. Jadi melalui masa perantau Minangkabau ini telah belajar dan berpengetahuan dalam perdagangan antarabangsa. Keaktifan mereka dalam dunia perdagangan telah mendorong mereka meneroka kawasan baru untuk mencari bahan atau barang dagangan. Dari kawasan Sang Hyang Hujung mereka telah mudik ke pedalaman mengikut Sungai Linggi, Sungai

Rembau dan Sungai Penajis untuk ke kawasan Rembau dan melalui Sungai Siput untuk ke kawasan Naning.

Orang Minangkabau yang datang ke Semenanjung di sekitar abad ke-12 dan ke-13 ini terdiri dari golongan, iaitu:

1. Mereka yang datang dengan tujuan mencari penempatan baru.
2. Mereka yang datang untuk berniaga.

Golongan kedua ini pula boleh dibahagikan kepada dua, iaitu:

1. Mereka yang sememang datang untuk berdagang sahaja. Mereka ini apabila sampai musim atau masa-masa tertentu akan balik ke tanah asal mereka membawa kekayaan.
2. Mereka yang pada mulanya datang untuk berniaga, tetapi akhirnya telah meneroka di kawasan baru untuk menjadi petani, iaitu kegiatan ekonomi yang sememang menjadi darah daging orang Minangkabau.

Orang Minangkabau daripada golongan peneroka inilah yang memperkenalkan sistem pertanian bersawah padi di Rembau dan kawasan-kawasan lain di Negeri Sembilan dan Naning.

Tujuan orang Minangkabau merantau selepas abad ke-13 telah berubah. Sebelum abad tersebut, mereka adalah 'pelarian', tetapi selepas tersusunnya 'Adat Tuah Disakato'¹⁰ oleh Sultan Balun (atau lebih dikenali dengan nama Datuk Perpatih Nan Sebatang) menggantikan Undang-undang Tariék Balieh, dan terbukti (daripada 'pelarian' dan perantau lain yang balik ke kampung) akan kejayaan merantau, motif pergi merantau telah berubah. Merantau, secara tidak disedari telah dijadikan suatu institusi dalam budaya Minangkabau.

Dengan terlembaganya merantau, setiap ahli masyarakat Minangkabau, khususnya lelaki muda, sentiasa digalakkan dan ditolak agar pergi ke rantau oleh kaum kerabatnya. Falsafah kebendaan Minangkabau mendorong anak muda lelaki agar keluar mencari kekayaan dengan tujuan memperkukuhkan atau meningkatkan martabat kaum kerabat agar setaraf atau melebihi orang lain. Anjuran dasar supaya setiap orang mencari kekayaan ini telah dipantunkan sebagai:

Apo gunonya kabau bertali,
Usah dipauik di pamatang, / dipauik
Pauikkan sajo di tengah padang;
Apo gunonya badan mencari,
Iyo pamagang sawah jo ladang,
Nan mambelo sanak kandueng.

Selain untuk tujuan kompetitif seperti yang dipantunkan itu, sistem sosial masyarakat Minangkabau juga telah mendorong setiap ahli lelakinya supaya merantau.

Masyarakat Minangkabau tidak berapa mengenali nama seorang lelaki yang belum berkahwin. Lazimnya dia akan disebut atau dipanggil 'bujang'

atau 'buyung' sahaja. Sebagai seorang bujang, status sosial seorang lelaki Minangkabau adalah rendah atau tidak sempurna sebagai ahli masyarakatnya. Untuk membebaskan diri daripada kedudukan ini, selain daripada pergi merantau ialah menikah. Akan tetapi, untuk menikah tidaklah mudah kerana setiap orang tua tidak akan membiarkan anak gadisnya menikah dengan seorang yang tidak mempunyai sumber hidup, pekerjaan atau kekayaan. Untuk memperolehi kekayaan atau sumber hidup, salah satu cara yang paling baik ialah merantau. Kenyataan ini telah dijadikan pantun dan didendangkan ke telinga anak-anak Minangkabau oleh ibu mereka:

Ke rantau madang di hulu,
 Babuah babungo bahun;
 Marantau bujang dahulu,
 Di rumah baguno bahun.

Dengan kata-kata lain merantau kepada masyarakat Minangkabau berfungsi sebagai suatu upacara peralihan (*rite de passage*) untuk membuktikan bahawa telah terjadi proses pendewasaan ke atas seseorang anak lelaki, dan kiranya telah boleh memasuki kehidupan yang lebih tinggi lagi iaitu berumah tangga (Mochtar Naim, 1979:12; 1984:2).

Dengan berlatarbelakangkan situasi yang baru diuraikan di atas maka dapatlah kita mengandaikan bahawa penghijrahan Minangkabau telah mula sampai ke Rembau dan Nanning di sekitar abad ke-12 Masihi. Berkaitan dengan ini beberapa orang penulis dan peminat sejarah Melayu telah memberi pandangan dan pendapat.

Newbold yang menulis sebuah rencana tentang Rembau dan tiga buah negeri Minangkabau yang lain di Semenanjung dalam tahun 1834 mungkin merupakan penulis terawal yang membicarakan tentang tarikh mula orang Minangkabau datang ke Rembau dan Nanning. Beliau, oleh sebab tidak ada keterangan sejarah yang pasti tentang tarikh tersebut telah menggunakan tradisi lisan setempat sebagai petunjuk (1834:256; 1839:77). Dengan berpandukan tradisi lisan¹¹ tersebut, beliau telah menerjemahkan masa ketibaan orang Minangkabau itu pada abad ketujuh Hijrah. Tarikh ini telah diberikannya persamaan dengan abad Masihi sebagai abad ke-12 apabila rencana tersebut diterbitkan dalam bentuk buku pada tahun 1839.

Dalam abad ke-19 ini, selain Newbold, Favre seorang mubaligh Katolik, juga telah cuba memberikan tarikh kedatangan orang Minangkabau itu. Favre, walaupun tidak menyatakannya secara langsung, telah agak lebih tegas daripada Newbold dalam memberikan tarikh berkenaan. Mengikutnya, Rembau dan Nanning telah diteroka oleh orang Minangkabau seratus tahun selepas Temasik dibuka oleh Tun Nila Utama; dan beliau memberikan tahun 1160 Masihi (1848:239) sebagai tahun Temasik di-

buka. Ini bermakna, secara tidak langsung Favre berpendapat Rembau (dan Nanning) telah dibuka pada tahun 1260 Masihi.

Jarak masa di antara tarikh yang dikemukakan oleh dua orang penulis awal tentang sejarah kedatangan orang Minangkabau ke Rembau ini adalah lebih kurang satu abad. Jikalau kita melihat kembali latar belakang sejarah sosial Minangkabau seperti yang diuraikan di awal bab ini dapatlah kita katakan bahawa sebahagian besar (tetapi dari segi jumlah bilangan masih kecil) daripada penghijrah di abad ke-12 (Newbold) itu adalah terdiri dari 'pelarian' daripada sistem sosial Minangkabau dan sedikit sahaja yang bermotifkan perdagangan. Perantau yang datang pada abad ke-13 (Favre) adalah sebaliknya; bilangan pedagang adalah melebihi orang 'pelarian'. Perpindahan pedagang Minangkabau dari Rantau Timur Pulau Sumatera ke kawasan pesisir barat Semenanjung Tanah Melayu, mulanya ke sekitar Sang Hyang Hujung dan Kelang dan kemudian ke Rembau mungkin ada kaitan dengan keadaan politik Srivijaya. Kerajaan Srivijaya, sejak pertengahan abad ke-12 'sedang beransur-ansur merosot' (Hall, 1971:77), dan ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ibu kota Srivijaya di akhir abad tersebut atau awal abad ke-13 telah berpindah ke Jambi (Kerajaan Melayu), tidak lagi di Palembang (Hall, 1971:78).

Perantau Minangkabau yang datang ke Rembau bukan dalam kelompok besar atau *mass migration* tetapi orang perseorangan atau kumpulan kecil. Sebahagian besar daripada mereka ini tidak tinggal menetap di suatu tempat tertentu tetapi sentiasa bergerak. Mereka yang pada dasarnya adalah petani telah cuba menukar cara hidup kepada perdagangan. Aktiviti perdagangan ini yang menyebabkan mereka banyak bergerak. Ini juga bermakna mereka tidak membuka petempatan besar di bahagian pedalaman.

Sebagai pedagang, tumpuan utama mereka adalah pusat-pusat perdagangan. Pusat perdagangan di pantai barat bahagian tengah Semenanjung Tanah Melayu ketika itu (akhir abad ke-13 dan awal abad ke-14) adalah Sang Hyang Hujung (kawasan Tanjung Tuan sekarang), Kelang dan Muar. Ketiga-tiga tempat ini terletak lebih kurang berhadapan dengan ^{Kuala} Sungai di pantai timur Pulau Sumatera, iaitu jalan lalu lintas mereka keluar masuk dari Minangkabau ke Semenanjung.

Pada ketika itu kawasan pedalaman seperti Rembau (Perabu) dan Nanning belum lagi mencapai tahap 'nagari' dalam proses metamorfosis petempatan mengikut konsep budaya Minangkabau; mungkin hanya mencapai taraf 'taratak' sahaja. Sebagai taratak, iaitu petempatan yang bersifat sementara, petempatan itu belum penting. Justeru itu, apabila Prapanca menyenaraikan nama-nama tempat di Semenanjung Tanah Melayu yang takluk di bawah Kerajaan Majapahit semasa menulis kitab *Nagara-kartagama* (1365), nama Rembau tidak termasuk. Nama yang disenaraikan adalah Muar, Sang Hyang Hujung dan Kelang. Berdasarkan kedu-

sungai
/

kuata

dukan ketiga-tiga tempat ini, kesemuanya adalah pelabuhan perdagangan pada ketika itu.

Para pedagang Minangkabau yang sampai ke Semenanjung sebelum abad ke-12 Masihi, walaupun kebanyakannya 'pelarian', tidak bermakna mereka tidak balik langsung ke tanah asal mereka. Mereka yang balik telah membawa kekayaan serta berbagai cerita tentang 'negeri orang'. Mereka ini telah menjadi 'contoh' dan penggalak kepada ahli kelompok kekeluargaannya, orang sekampung dan sesuku untuk keluar merantau pula. Perantau 'pelarian' ini telah menjadi pembuka jalan ke rantau di Semenanjung, khususnya Rembau dan sekitarnya, bagi perantau yang bakal keluar.

'Hasil' yang diperolehi oleh perantau yang telah baik ini menjadi faktor penolak kuat kepada anak-anak muda keluar mencari kekayaan. Melalui masa, dan dengan teramalnya sistem hidup baru (Adat 'Tuah Disakato') fenomena 'lari ke rantau' ini telah berubah menjadi suatu konsep *built-in* dalam diri individu serta dalam sistem sosial Minangkabau. Kebanyakan perantau bukan lagi 'pelarian' semata-mata tetapi adalah untuk tujuan ekonomi (perdagangan) dan peluasan rantau akibat keadaan ekologi dan lokasi Alam Minangkabau sendiri¹².

Menjelang abad ke-14 Masihi kita lihat perubahan dalam pembukaan kawasan oleh perantau Minangkabau golongan peneroka petempatan baru. Pada zaman awal merantau kawasan yang diteroka adalah di kawasan hulu-hulu sungai seperti hulu Sungai Jambi/Batang Hari (terbuka Rantau Tujuh Koto, Sungai Kunyik dan Talao dan Rantau Tigo Cati), hulu Sungai Indragiri (terdapat Rantau Kuantan dan Rantau Empat Belas Kota) dan di hulu Sungai Kampar (Rantau Kampar). Kemudian orang Minangkabau telah merantau lebih jauh lagi iaitu ke kawasan pantai timur Pulau Sumatera seperti Rantau Indragiri dan Rantau Siak Sri Indrapura. Mulai abad ke-14 dan seterusnya, perantau Minangkabau golongan peneroka ini telah meninggalkan pantai Sumatera dan menyeberangi Selat Melaka untuk sampai ke Rembau dan kawasan sekitarnya. Rembau dan kawasan sekitarnya menjadi tumpuan mereka pada abad tersebut kerana, sebagai dinyatakan di atas, 'jalan' untuk ke sana telah pun dibuka oleh perantau 'pelarian' dan pedagang pada abad-abad sebelum itu. Tambahan pula di kawasan tersebut telah pun wujud taratak dan kampung mereka.

Perantau Minangkabau yang sampai ke Rembau di abad ke-14 terdiri daripada dua golongan: pedagang dan peneroka. Antara dua golongan ini, bilangan pedagang adalah lebih ramai, namun apabila sampai di rantau (Rembau) ada di antara mereka yang menjadi peneroka. Golongan kedua, walaupun bertujuan membuka petempatan baru, mempunyai matlamat yang sama dengan golongan pertama yakni mencari kekayaan. Justeru itu, perantau Minangkabau golongan kedua ini pun, dalam bahagian pertama abad ke-14 adalah bersifat sementara di petempatan baru mereka.

akibat dari

Berdasarkan andaian ini maka pernyataan Parr dan Mackray yang mengatakan bahawa Rembau telah dibuka oleh orang Minangkabau pada tahun 1388, bersamaan tahun 773 Hijrah (1910:2)¹³ dan/atau pernyataan Abas Haji Ali, pada tahun 1338 (1953:1)¹⁴, itu mungkin ada kebenarannya. Mereka datang untuk meneroka dan menjalankan usaha (mungkin pertanian bersawah padi dan berkebun lada) di samping aktif dalam bidang perniagaan. Apabila tiba musimnya, selepas usaha pertanian berjaya dan beroleh keuntungan darinya mereka balik ke Sumatera; dan kembali semula ke Rembau pada musim berikutnya untuk meneruskan usaha mereka. Dengan itu jelaslah bahawa keusahawanan mereka di Rembau adalah bermusim dan bersifat sementara. Walaupun demikian, petempatan itu tidak 'terbiar' semasa musim mereka balik ke Sumatera kerana petempatan itu akan 'diperhatikan' dan 'diusahakan' pula oleh rakan seperantauannya, yang mungkin orang sekampung atau sesuku dengannya yang tidak 'balik' pada musim berkenaan. Situasi ini yang menyebabkan petempatan mereka di Rembau itu, walaupun telah lama terbuka, berlanjutan bertaraf 'teratak' dan tidak mencapai taraf 'nagari'.

Di Minangkabau, sebelum sesuatu petempatan itu menjadi 'nagari'¹⁵ ia harus melalui satu proses metamorfosis (Kato, 1982:75-78). Proses ini mengikut tambo:

Taratak mula dibuek (dibuat),
sudah taratak menjadi kampueng,
sudah kampueng menjadi dusun,
sudah dusun menjadi kota,
sudah kota jadi nagari.¹⁶

'Taratak' atau 'teratak' ialah satu petempatan awal yang mungkin terdiri daripada beberapa buah bangsal sementara dan dikelilingi oleh hutan rimba. Pokok-pokok di sekitar bangsal-bangsai tersebut akan ditebang serta semak samun akan ditebas untuk dijadikan petempatan dan ladang. Kehidupan pada peringkat ini masih belum menetap.

Ladang-ladang tersebut melalui masa akan diperluas lagi dan sawah padi akan mula diusahakan. Bangsal-bangsai akan ditukar menjadi rumah yang lebih kekal. Teratak itu kini menjadi lebih kompleks dan didiami oleh orang yang berasal daripada satu 'suku'. Dengan itu wujudlah petempatan yang dikatakan 'kampung'. Kampung di sini membawa maksud petempatan, tetapi oleh sebab penduduknya datang dari suku yang sama, ia sering ditukargantikan atau diidentitikan sebagai 'suku'. Selalunya dalam sebuah kampung akan didirikan sebuah balai sebagai tempat berunding dan mendapat kata sepakat (sakato) di kalangan ahli sekampung atau sesuku tersebut.

Beberapa buah kampung berjiranan membentuk sebuah 'dusun'. Pada masa ini selalunya telah terdiri sekurang-kurangnya sebuah 'rumah

gadang' atau rumah adat di setiap kampung. Gabungan beberapa buah dusun (selalunya tiga buah kampung/suku) wujudlah sebuah 'kota'.

Apabila penduduk sebuah kota bertambah, ada empat buah suku atau kampung di dalamnya, berkemampuan untuk berkendiri secara sosial serta mempunyai struktur dan organisasi politik yang sesuai untuk mengatur dan menyelaraskan kehidupan rakyat, ianya telah dianggap sebagai sebuah replika kosmos. Justeru itu dianggap sebagai sebuah 'nagari'. Sebagai sebuah 'nagari' ia harus mempunyai tabuh nagari, pakan nagari, hiasan nagari dan kebesaran nagari.

Daripada huraian di atas nyatalah bahawa proses metamorfosis pengwujudan sebuah 'nagari' itu mengambil masa yang lama.

d' E. Pires
1613
L
Proses pembentukan Rembau sebagai sebuah 'nagari' sehingga oleh Pires diistilahkan sebagai *Regiam de Manancabos* dalam tahun 1613 telah juga melalui proses metamorfosis ini. Tetapi, sebagai sebuah rantau, seperti juga pembentukan rantau Minangkabau yang lain, Rembau tidak harus terikat untuk melalui setiap langkah itu secara terperinci. Dengan demikian, beberapa aspek telah dikecualikan dan/atau berlaku pengubahsuaian; misalnya kewajiban untuk mendirikan rumah gadang pada tahap dusun (Navis, 1934: 108).

Dalam kes penempatan di Rembau, oleh sebab peneroka Minangkabau itu terlalu *mobile* (banyak bergerak) masa yang digunakan untuk mencapai tahap 'nagari' adalah lebih lama walaupun ada pengecualian dan pengubahsuaian. Seperti yang diuraikan di atas, prioriti atau tujuan utama peneroka itu bukan untuk berkampung halaman tetapi untuk mendapatkan kekayaan. Mereka datang untuk berusaha dan apabila mendapat hasil mereka akan balik; suatu keadaan yang masih diami sehingga ke abad ini. Walau bagaimanapun ada juga di antara mereka itu yang kekal tinggal di Rembau, tetapi bilangan mereka kecil sahaja. Mereka yang tinggal tetap inilah yang menjadi 'pangkalan' dan 'tali penghubung' antara Rembau dengan perantau lain yang bakal datang.

Dalam tahun 1402 Kerajaan Melayu Melaka telah didirikan. Sebelum tarikh itu, mungkin sejak tahun 1360 Melaka adalah sebuah kampung kecil dan didiami oleh golongan lanun dan nelayan (Hall, 1971:247). Melaka telah berjaya menjadi pusat perdagangan antarabangsa dan menenggelamkan kepentingan kota dagang yang lebih awal seperti Muar, Sang Hyang Hujung dan Kelang. Kejayaan Melaka ini telah menarik keluar lebih ramai lagi orang Minangkabau ke Semenanjung. Oleh sebab di Rembau telah ada 'perkampungan' atau 'taratak-kampung' Minangkabau, dan lokasinya berhampiran dengan Melaka serta mempunyai jalan lalu lintas (sungai) yang baik kebanyakan daripada perantau Minangkabau itu telah menjadikan Rembau (dan Naning) sebagai pengkalan semasa berdagang di Melaka. Dengan demikian, jumlah penduduk Minangkabau di Rembau

di zaman awal Kerajaan Melayu Melaka adalah lebih ramai daripada zaman sebelumnya; walaupun mereka masih *mobile*.

Keadaan ini juga telah membuatkan bilangan orang Minangkabau yang menetap di Rembau bertambah. Situasi petempatan di Rembau adalah sejajar dengan keadaan sebuah 'dusun' atau mungkin 'kota' dalam konteks pembukaan sebuah 'nagari' berdasarkan konsep budaya Minangkabau.

Bilangan orang Minangkabau yang berpengkalan di Rembau semakin bertambah apabila Melaka berada di puncak keagungannya di sekitar tahun-tahun 1500-11 Masihi. Pada tahun-tahun tersebut Melaka telah menjadi pusat perdagangan dan pelabuhan dagang yang kuat di Asia Tenggara. Ianya sentiasa dikunjungi oleh kapal-kapal dari timur dan barat serta oleh pedagang daripada berbagai bangsa. Pedagang Minangkabau yang tidak mahu ketinggalan dalam aktiviti ini telah membawa hasil-hasil mereka ke Melaka. Barang dagangan yang dibawa pedagang Minangkabau ke Melaka berbagai jenis, namun yang paling utama dan yang paling diminati oleh para pedagang di Melaka adalah emas¹⁷ dan lada. Sementara menunggu musim untuk pulang membawa dagangan ganti seperti kain Coromandal dan Gujarat serta sutera dan porsetin China, mereka telah singgah di Rembau. Dari Rembau, hasil daripada berdagang dengan anak watan tempatan dan peneroka Minangkabau yang telah berada di Rembau, mereka telah beroleh barang dagangan tempatan untuk diperdagangkan pula di Melaka atau dibawa pulang ke Minangkabau.

Pada sekitar tahun 1500-08 Masihi ada beberapa penempatan yang sering dikunjungi pedagang Minangkabau. Antara perkampungan yang paling ramai penduduknya pada ketika itu ialah di sekitar Kuala Linggi hingga ke kawasan di sekitar Lubuk China sekarang. Perkampungan ini telah dikenal pasti oleh *Sejarah Melayu* sebagai Kuala Penajoh (1954:202). Ke pedalaman lagi, penempatan yang juga mereka lawati semasa menunggu musim itu adalah Kampung Relong dan Kampung Kebun Lada. Besar kemungkinan Kampung Kebun Lada ini adalah salah sebuah teratak perantau awal yang dibuka atas tujuan mendapatkan hasil lada yang sangat diperlukan dalam perdagangan dengan dunia barat.

Penduduk di dua buah kampung ini terdiri daripada anak watan tempatan (orang Jakun) dan para peneroka dan pedagang Minangkabau yang telah menjadi peneroka. Besar kemungkinan bilangan orang Minangkabau yang tinggal di kedua-dua buah kampung ini hampir sama kalau pun tidak melebihi jumlah anak watan. Anak watan yang dapat menyesuaikan diri dengan peneroka Minangkabau sahaja yang tetap tinggal di kampung-kampung tersebut. Mereka yang tidak dapat atau tidak mahu menyesuaikan diri telah, seperti yang dilaporkan oleh Newbold, berpindah ke bahagian pedalaman lagi (1824:256, 1839:78).

Pada penghujung abad ke-15, mungkin di sekitar tahun 1490-an, seorang pembesar adat Minangkabau, Datuk Leteh telah sampai ke Rembau.

Beliau adalah pembesar Minangkabau yang pertama datang ke Rembau. Kedatangan beliau adalah sebagai peneroka dan pemimpin masyarakat Minangkabau di situ dan bukan sebagai pedagang. Di samping itu beliau juga adalah wakil peribadi Tuan Mahudum di Sumanik, iaitu salah seorang daripada 'Basa Ampak Balai' Minangkabau. Salah satu daripada tugasnya ialah mengawasi rantau Rembau (Rasjid Manggis, 1983:103).


Harvey
Mengikut cerita terombo Datuk Leteh berasal dari Batu Hampar Mandiling (Hervex, 1884:251) dan bersuku Cariago (Mohamad Hassan, 1885). Pengikutnya adalah orang dari Batu Hampar, Paya Bidara, Pagar Cincang dan Agam. Beliau dan rombongannya telah memudiki Sungai Penajoh (iaitu gabungan Sungai Linggi, Sungai Rembau dan Sungai Penajis sekarang). Mulanya beliau tidak singgah di Lubuk China, kawasan yang ramai penduduknya ketika itu dan menemui Tun Zainul Abidin bin Bendahara Paduka Raja Tun Perak atau dikenali sebagai Datuk Lubuk China. Sebagai dinyatakan di bab terdahulu (lihat Bab 2) Tun Zainul Abidin itu adalah wakil Kerajaan Melayu Melaka di Rembau. Oleh yang demikian, sebagai seorang ketua adat Datuk Leteh telah terlebih dahulu menemui Tun Zainul Abidin sebagai tanda hormat seorang pembesar dengan seorang pembesar lain, serta memohon izin dan restu untuk masuk ke pedalaman dan meneroka.

Dari Lubuk China Datuk Leteh telah mudik lagi ke hulu dan pergi menemui Batin Sekudai, ketua orang Jakun di Rembau, yang tinggal di Kampung Relong. Tujuan pertemuan itu adalah memohon izin untuk meneroka tanah baru bagi rombongannya dan orang Minangkabau yang sama ada yang telah datang atau yang bakal tiba. Sebagai penghormatan pula Batin Sekudai telah menyediakan tempat tinggal untuk Datuk Leteh di kampung tersebut. Datuk Leteh telah tinggal di situ lebih kurang setahun setengah. Dalam tempoh masa tersebut, pengikutnya yang datang dari Agam telah berusaha mencari petempatan sendiri. Akhirnya mereka telah membuka Kampung Agam yang terletak agak jauh di Kampung Relong, iaitu di tebing selatan Sungai Rembau hari ini (lihat Peta-8). Pengikut Datuk Leteh, terutamanya orang dari Batu Hampar telah membuka kawasan yang agak hampir dengan Kampung Relong. Mereka telah membuka tanah paya di bahagian baruh (selatan) dan timur Kampung Relong. Dengan itu wujudlah kampung-kampung yang hari ini terlingkung sebagai Kampung Penajis Ulu.

Datuk Leteh, setelah hampir dua tahun tinggal di Rembau, kerana kebijaksanaan dan ketokohnya sebagai pemimpin (iaitu dua di antara sifat-sifat yang harus ada pada diri seorang ketua adat Minangkabau¹⁸) telah menjadi kawan rapat dan orang kepercayaan Batin Sekudai. Sebagai 'wakil' Kerajaan Pagarruyung, khususnya Datuk Makudum di Sumanik, beliau telah menyusun dan mengatur sistem masyarakat orang Minangkabau di Rembau, sehampir yang mungkin dengan sistem adat di tanah

telah

lihat Peta 8



Peta 8. LOKASI KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL
DI REMBAU HARAU

asal mereka. Antara penyusunan yang dilakukan ialah mengelompokkan ahli-ahli masyarakatnya ke dalam suku-suku tertentu. Setelah 'dimuafatkan' dan setelah 'sekato' maka 'bulatlah' mereka untuk mengubah-suai akan nama suku mereka. Nama-nama suku asal seperti bodi, caniago, koto, atau piliang tidak digunakan lagi, sebaliknya digunakan nama tempat atau kampung asal mereka di Sumatera. Dengan itu, wujudlah dua suku terawal di Rembau iaitu suku Batu Hampar dan suku Agam. Di antara dua buah suku ini ahli suku Batu Hampar yang paling ramai.

Pada hakikatnya tidak ada pengubahsuaian yang besar berlaku dalam menamakan suku ini, sedikit-tidaknya dari segi genealogi di zaman awal itu. Jikalau kita melihat huraian di atas mengenai pembentukan kampung dalam proses metamorfosis kewujudan 'nagari' Minangkabau, orang yang sekampung itu terdiri daripada orang sesuku; malahan istilah kampung itu boleh dan sering ditukarganti dengan istilah suku. Berikutan dengan itu konsep larangan perkahwinan sesuku atau sekampung (indogami) juga diamalkan di Rembau. Larangan ini diperkuatkan lagi oleh sebab bilangan penduduk Minangkabau seluruhnya, apatah lagi yang sesuku adalah kecil.

Terombo Rembau tidak menyebut tentang keluarga Datuk Leteh. Terombo hanya menyatakan bahawa Batin Sekudai telah menyerahkan anak perempuannya, Datuk Bungkal¹⁰ untuk dipelihara dan dijaga oleh Datuk Leteh. Kenyataan terakhir ini membolehkan kita berkesimpulan bahawa Datuk Leteh telah berkeluarga, dan besar kemungkinan isterinya adalah orang Minangkabau juga. Jikalau beliau masih bujang tidak mungkin Batin Sekudai menyerahkan anak perempuannya untuk dijadikan anak angkat oleh Datuk Leteh. Sehubungan dengan ini, kita boleh juga merumuskan bahawa Datuk Leteh itu telah berumur dan begitu juga isterinya.

Kerelaan Batin Sekudai menyerahkan anak gadisnya (ketika itu sedang dara kecil) kepada orang luar, yang bukan sebangsa dan sebudaya dengannya, secara tidak langsung membayangkan pendiriannya terhadap Datuk Leteh. Pertama Batin Sekudai sangat percaya dan menghormati Datuk Leteh dan keluarganya. Kedua Batin Sekudai secara tidak langsung ingin mewujudkan perhubungan kekeluargaan dengan Datuk Leteh. Ketiga Batin Sekudai mengakui Datuk Leteh sebagai pemimpin orang Minangkabau yang ada di Rembau.

Datuk Leteh telah memelihara Datuk Bungkal sebagai anaknya sendiri. Kepada Datuk Bungkal telah disosialisasikan dan diterapkan budaya keluarga Minangkabau. Beliau tidak lagi terdidik sebagai anak orang Jakun tetapi sebagai anak gadis Minangkabau yang bakal mewarisi dan meneruskan nilai, norma dan etika Minangkabau. Dengan itu, dalam diri Datuk Bungkal telah berlaku pengasimiliasian dua budaya, iaitu budaya dan nilai hidup orang Jakun dan juga Minangkabau.

Pada sekitar tahun 1500 penduduk Kampung Pelong menjadi semakin

mengetahui

Relong

ramai akibat penghijrahan orang Minangkabau. Batin Sekudai dan Datuk Leteh telah bermuafakat dan bersetuju untuk pindah ke kawasan lain. Tempat baru yang dicadangkan adalah kebun lada. Pada ketika itu kawasan tersebut masih belum didiami orang, melainkan yang menjaga kebun tersebut. Kawasan berkenaan adalah ladang lada yang hasilnya diperdagangkan sama ada di Lubuk China atau terus di Melaka. Apabila kawasan tersebut dijadikan perkampungan kekal oleh Batin Sekudai dan Datuk Leteh, ia dikenali sebagai Kampung Kebun Lada. Akhirnya, kampung itu terkenal dengan Kampung Lada sahaja seperti hari ini.

Batin Sekudai tidak tinggal lama di Kampung Kebun Lada. Pada penghujung tahun berkenaan beliau dan keluarga ~~termasuk dua orang anak perempuannya, iaitu Datuk Muek dan Datuk Mengkudu~~ telah berpindah lagi, mengikut terombo, ke Seliau. Anaknya Datuk Bungkal tetap tinggal dengan bapa angkatnya, Datuk Leteh. Dengan pemergian Batin Sekudai ini maka kuasa 'pentadbir' ke atas Rembau terserah kepada Datuk Leteh. Ini bermakna di sekitar tahun 1500/1 Datuk Leteh adalah 'pentadbir' tunggal ke atas penduduk orang asli (yang telah menyesuaikan diri untuk tinggal bersama kaum pendatang) dan orang Minangkabau di Rembau.

Peristiwa terakhir ini—pemergian Batin Sekudai dan secara tidak rasmi, perlantikan Datuk Leteh sebagai 'pemimpin' atau ketua di Rembau—telah merubah kedudukan Rembau dari segi konsep budaya Minangkabau, yang pada tahun berkenaan telah menjadi budaya dominan di Rembau. Rembau tidak lagi bertaraf kampung, dusun atau kota tetapi telah mencapai tahap 'negeri', nagari Rembau, dan mungkin nagari rantau Minangkabau yang pertama di Sernenanjung Tanah Melayu ketika itu.

Pada sekitar tahun 1501-2³⁰ Batin Pak Nilu telah turun ke Rembau, seperti dinyatakan dalam bahagian terdahulu (lihat Bab 3) dari kawasan Rahang sekarang. Tujuannya ke Rembau adalah untuk membuka hutan Gombira dan menjadikannya sebuah perkampungan. Setelah siap menjadi petempatan, pada sekitar tahun 1504/5 Datuk Leteh telah:

... membawa Datuk Bungkal pindah ke sana, maka terpandanglah oleh Datuk Bungkal segala rumah Batin dan kawan-kawannya sangat kotor penuh tiap-tiap rumah dengan bangkai binatang, dinamakannyalah Kampung Kotor. ... (Mohamad Hasan, 1885)

Pada tahun tersebut Datuk Leteh dan Datuk Bungkal telah pindah dari Kampung Kebun Lada dan menetap di Kampung Gembira atau Kampung Kotor, iaitu nama yang diberi oleh Datuk Bungkal. Hari ini kampung ini dikenali dengan nama Kampung Kota Lama (lihat lokasi pada Peta 9).^{4 dan 8}

Petikan daripada terombo kepunyaan Mohamad Hasan (Datuk Bandar), di atas, selain daripada menyatakan bila terbukanya atau asal-usul nama Kota, secara tidak langsung menunjukkan suatu pembaharuan nilai bersih dan kotor. Penilaian yang dibuat oleh Datuk Bungkal bahawa 'bang-


kai binatang' itu adalah kotor dan tidak bersih bermakna dalam diri Datuk Bungkal yang ketika itu berkemungkinan berumur dalam lingkungan 5-6 tahun telah tertanam nilai tamadun Minangkabau.

Selanjutnya, sama ada kesedaran Datuk Bungkal tentang konsep 'kotor-bersih' ini menggambarkan yang beliau telah diislamkan oleh Datuk Leteh; atau dengan kata-kata lain Datuk Leteh itu adalah seorang beragama Islam, tidak dapat dipastikan. Apa yang jelas ialah sebelum bahagian akhir abad ke-16 atau sebelum tahun 1580 (Mansoer, dll., 1970:70) Raja Pagarruyung dan Alam Minangkabau Asli (Luak Nan Empat) masih belum beragama Islam, tetapi beragama Hindu-Buddha. Negeri-negeri yang beragama Islam pada ketika itu (mungkin sejak abad ke-12/13 lagi) adalah negeri-negeri di pantai timur Pulau Sumatera seperti Siak, Kuntur/Kampar dan Indragiri yang dianggap sebagai negeri-negeri rantau Minangkabau Timur (lihat Peta 10⁹) (Mansoer, all, 1970: 40-49).

Daripada huraian ringkas di atas, dua kemungkinan tentang daerah asal Datuk Leteh mungkin boleh diutarakan. Pertama, jikaiau Datuk Leteh itu datang secara langsung dari Minangkabau dia bukannya seorang yang beragama Islam, tetapi Hindu-Buddha. Kedua, jikalau beliau seorang Islam, dia bukan datang langsung dari Minangkabau Asli tetapi dari salah sebuah negeri Rantau Minangkabau Timur. Selanjutnya, kemungkinan kedua ini pula membolehkan kita mengatakan bahawa Datuk Leteh itu berasal dari Siak. Andaian terakhir ini mungkin mempunyai kaitan langsung dengan satu perbilangan yang sering ditemui dalam terombo Rembau:

Bertuan ke Minangkabau,
bertali ke Siak.

Baris pertama perbilangan ini agak jelas maksudnya. Rembau adalah salah sebuah rantau Minangkabau. Sebagai rantau, seperti juga rantau-rantau yang lain, Rembau adalah 'bertuankan' atau 'kepunyaan' Daulat Raja Pagarruyung; dan sumber kewangan untuk perbelanjaan Yang Dipertuan Minangkabau adalah hasil dari rantau (Batuan dan Tanameh, 44: 38-39). Istilah 'bertali' dalam baris kedua bermaksud 'bersaudara' atau ada kaitan kekeluargaan sama ada melalui darah atau perkahwinan. Jikalau demikian maksud istilah itu dan digunai oleh terombo sebagai catatan 'sejarah' tentang kedatangan orang Minangkabau ke Rembau maka dapatlah andaian kedua tentang tempat asal Datuk Leteh iaitu: Datuk Leteh berasal dari kawasan Siak. Ini juga bererti Datuk Leteh itu adalah seorang yang beragama Islam; dan selanjutnya, konsep 'kotor' yang dikaitkan oleh Datuk Bungkal dengan 'bangkai binatang' tadi juga memberi penekanan nilai Islam. Sehubungan dengan itu kita berkemungkinan menyatakan bahawa Datuk Leteh adalah bertanggungjawab mengislamkan Datuk Bungkal, anak angkatnya. Datuk Leteh juga mungkin bertanggungjawab mengislamkan orang Jakun lain yang tidak lari ke pedalaman/ke hutan



Petunjuk:

Minangkabau asal

1. Tanah Oatar

2. Agam

3. L - Koto

4. Kubueng - XII

Rantau

5. Sungai Pagu

6. Banda Sapulueh

7. Indrapura

8. Kerinci *

9. XII - Koto

10. Sungai Kunyik & Talao

11. III - Cati

12. VII - Koto

13. Kuantan

14. Indragiri

15. XIV - Koto

16. Kampar

17. Siak Sri Indrapura

18. Rokan *

19. Pasaman

20. Tiku - Pariaman

21. Padang - Tarusan

22. Negeri Sembilan

(* Bukan rantau)

----- sempadan wilayah

Peta 89 MINANGKABAU DAN RANTAUNYA

60 5738

tetapi tinggal bersama dan bercampur-baur dengan orang Minangkabau di Rembau. Untuk mengenaipasti atau untuk membezakan antara orang Jakun yang tidak Islam dengan yang telah Islam, maka semua orang Jakun yang telah masuk Islam dan tinggal bersama dengan orang Minangkabau telah dipanggil 'Biduanda'—Biduanda Jakun. Dengan itu muncullah sebuah pengelompokan baru yang dikenali sebagai suku Biduanda Jakun di Rembau.

Pada ketika itu (sejak sekitar tahun 1502-3) Rembau tidak lagi bernama Perabu tetapi 'Merbau Tua' (ada terombo menyebutnya sebagai 'Merbau Tua Buah'. Daripada perbandingan antara beberapa buah terombo nama Merbau Tua ini hilang daripada penggunaan menjelang tahun 1508-9. Pada ketika itu nama itu telah diringkaskan menjadi Rembau sahaja sehingga ke hari ini.

Nota kaki

1. Perkataan takuih (takus) adalah kacukan daripada perkataan takut, yang pada sesetengah sarjana, menggambarkan keadaan masyarakat pada era itu, iaitu sentiasa dalam ketakutan. Muara Takuih terletak di tebing kiri di Ulu Sungai Kampar dalam Luak Limapuluh Kota, iaitu salah satu daripada Luak Nan Tigo (Luak asal) Minangkabau. Tempat ini mungkin telah menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan yang makmur di zaman pemerintahan Raja Bebau iaitu keturunan Puti Sri Dunia, pengasas dinasti Muara Takuih (Sjafiroeddin, 1974: 38). Coedes (1930: 35-44) dan Moen (1937: 460, 476) pula berpendapat Muara Takuih pernah menjadi pusat pemerintahan Raja Jayanasa, iaitu raja yang mendirikan batu bersurat di Talang Tua (Tuwa) (TM 648) yang antara lain mengingatkan bahawa sesiapa daripada rakyatnya yang tidak taat dan setia kepadanya atau melakukan tindakan belot terhadapnya akan terbunuh kena sumpah (seperti dikutip oleh Norhalim Hj Ibrahim, 1983: 35-37). Lihat juga nota kaki 4 di bawah.

2. Lihat keterangan lanjut dalam Sjafiroeddin, 1974: 38-43.

3. Tambo bererti hikayat, kisah, riwayat dahulu kala (Thalh, 1935: 236).

4. Kata Undang-undang pada kalimat Undang-undang Nan Tigo bukan bermakna 'law' sebagaimana yang kita fahami hari ini, tetapi hanya suatu gambaran keadaan (hidup) dalam negeri berdasarkan cerita tambo. Sebagaimana namanya, undang-undang ini terbahagi kepada tiga jenis; iaitu (1) Undang-undang Si Mumbang Jatuh, (2) Undang-undang Si Gamak-gamak, dan (3) Undang-undang Si Lamo-lamo. Pada prinsipnya, ketiga-tiga undang-undang ini adalah mengikut sistem di mana orang boleh melakukan apa saja yang dikehendakinya. Dalam keadaan begini, yang kuat akan menang dan yang dahulu akan dapat; dan andai timbul sebarang masalah dan/atau persoalan dalam amalan sedemikian, rajalah yang akan menyelesaikannya atas dasar kuasa mutlak yang dimilikinya. Jadi keadaan masyarakat di Minangkabau pada era ini sentiasa dalam ketakutan dan dipenuhi dengan perasaan tidak selamat, baik nyawa ataupun harta benda. Untuk mengubah dan mengingati keadaan hidup yang sedemikian rupa pada zaman ini, salah satu tempat yang menjadi pusat kekuasaan pada masa itu telah dinamakan Muara Takuih (lihat nota kaki 1 di atas). Untuk keterangan lanjut tentang Undang-undang Nan Tigo ini lihat Bahar, 1966 (b): 10-11; Rasjid Manggis, 1971: 23, Norhalim Hj. Ibrahim, 1983: 36-40, 1993: 21-26.

5. Untuk keterangan lanjut tentang Rantau Timur Minangkabau, lihat Mansoer, 1970: 37-49. Di antara kedua buah rantau ini, Rantau Timur yang mula berkembang dan telah lebih

Jayana 69

bukan

lamo

dahulu dibangunkan kerana pengangkutan melalui jalan air lebih mudah dan keduanya ia terletak berhampiran dengan jalan perdagangan antarabangsa, Selat Melaka; dari itu ia terbuka kepada perdagangan dunia luar.

6. Undang-Undang Tariek-Balieh ini mengikut prinsip: setiap kesalahan harus mendapat balasan yang setimpal. Misalnya orang yang membunuh, harus dihukum mati; atau ~~sekarang~~ ^{jikalau seseorang} itu telah membuatkan orang lain malar, maka dia pula harus dihukum sehingga mendapat malu. Untuk keterangan lanjut lihat Bahar, 1966(b): 14; Batoeh Senggo, 1965: 241; Norhalim Hj. Ibrahim, 1983: 40-41, 1993: 26-28.

7. Keadaan hidup rakyat jelata yang tertekan dan terancam serta tertindas ini bukan sahaja berlaku di Minangkabau pada zaman tersebut tetapi juga di tempat-tempat lain di Sumatera. Ancaman seperti yang terdapat dalam Undang-undang Nan Tigo (lihat nota kaki 4 di atas) ada tercatat pada batu bersurat di Talang Tua (lihat nota kaki 1 di atas) dan juga di batu bersurat Kota Kapur (TM 686) yang memberikan ancaman yang lebih kurang sama (dengan Batu Bersurat Talang Tuo) kepada rakyat Perangis (Pulau Bangka) iaitu rakyat yang menderhaka dan tidak taat setia kepada raja Sriwijaya dan para pembesar akan terkena sumpah (yang boleh membawa maut). Sumpahan ini bukan sahaja terkena kepada mereka yang bersalah tetapi juga kepada keseluruhan keturunannya (Kern, 1912: 393-400; Stagen, 1913: 61-71; Coedes, 1968: 83).

8. Untuk kisah pembukaan Temasik lihat buku *Sejarah Melayu* (1954-32-33) iaitu bahagian akhir Cetera Ketiga.

9. Mengikut tambo Minangkabau orang yang pertama diketahui dan dirakamkan (oleh tambo) pergi merantau ialah Sutan Balun (Datuk Perpatih Nan Sebatang). Beliau merantau kerana telah berlaku konflik antara dirinya dengan abang tirinya Sutan Maharajo Basa (Datuk Ketumanggungan). Punca konflik ini adalah tentang pengamalan aturan Undang-undang Tariek-Balieh. Untuk mengelakkan konflik yang berlanjutan, Sutan Balun telah mengambil keputusan meninggalkan negara dan mengembara, atau dengan kata lain Sutan Balun telah lari. Justeru itu, penggunaan konsep 'pelari' di sini adalah sejajar dengan pelakuan Sutan Balun yang 'keluar mengembara mencari pengaliman dan pengetahuan' (Darwis, 1965: 79; Norhalim Hj Ibrahim, 1993: 31-32). Malahan sebab Sutan Balun 'lari' adalah bersamaan dengan sebab 'rakyat ramai' lari.

10. Adat Tuah Disakato adalah cara hidup yang berdasarkan musyawarah untuk muafakat. Adat ini adalah adat susunan Sutan Balun atau Datuk Perpatih Nan Sebatang. Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah satu versi dari adat ini. Untuk keterangan lanjut lihat Norhalim Hj Ibrahim, 1993: 36-46.

11. Newbold telah mencatatkan ringkasan tradisi lisan tersebut dalam rencana berkenaan (1834: 256, 1839: 77-78). Besar kemungkinan tradisi lisan ini diperolehnya dari Naning kerana ada persamaan dengan tradisi lisan yang digunakan oleh Shahba (1951).

12. Keterangan lanjut tentang sebab-sebab orang Minangkabau merantau di zaman moden lihat Mochtar Naim, 1979 Bab VI, hal. 227-89.

13. Tahun Hijrah 773 ini jikalau menggunakan formula yang dikemukakan oleh Phillips (1951) adalah bersamaan dengan tahun 1371 Masihi.

14. Abas menyatakan bahawa tarikh ini adalah bersamaan dengan tahun 773 Hijrah (lihat juga nota kaki 13 di atas) seperti yang dikemukakan oleh Newbold (1939: 77). Oleh sebab Newbold tidak memberikan persamaannya dengan tahun Masihi dapatlah kita mengandaikan bahawa tahun 1338 Masihi ini adalah tafsiran Abas sendiri, atau tafsiran Abdullah Hj. Dahan (1929: 3) iaitu sumber yang mungkin menjadi panduan Abas untuk menulis bahagian 'Pendahuluan' bukunya itu. Abdullah Hj Dahan, Datuk Sedia Raja Undang Luak Rembau (1922-38) telah menterjemahkan karya Parr dan Mackray (1910) di sekitar tahun 1920-an dan diterbitkan secara bersiri dalam majalah *Tetuan Muda*.

15. Nagari bermaksud permukiman atau wilayah yang telah mempunyai alat kelengkapan pemerintahan yang sempurna. Wilayah tersebut harus didiami oleh penduduk yang

NEGERI YANG SEMBELAN: WARISAN SATU PERADABAN

sekurang-kurangnya terdiri daripada empat suku dengan seorang penghulu selaku pemerintah tertinggi (Nafis, 1984: 94).

L Nafis

16. Keterangan lanjut tentang proses pembentukan sebuah nagari di Minangkabau lihat Westenek, 1915, Batuah Sanggo, Datuk, 1936; Sanggoeno Diradjo, Datuk, 1919; dan juga Kato, 1978: 75-78.

Batuah
L

17. Tome Pires melaporkan bahawa di awal abad ke-16 Minangkabau adalah pengeluar emas terpenting di Pulau Sumatera. Pada masa itu terdapat dua buah lombong emas utama di pedalaman, sebuah berdekatan dengan Sijunjung (Cuencynguis) di anak Sungai Kampar dan sebuah lagi di Muara Palangki (Marapalagu) di anak Sungai Indragiri (Corteseo, 1971: 164).

18. Untuk keterangan lanjut tentang sifat-sifat yang harus ada pada diri seseorang kumpadai di Minangkabau lihat Rasjid Manggis, 1971: 69-78, Batuah dan Tanameh, (i.t.), 14-26, Batuah dan Madjonido, 1956: 76-82, Sjamsuddin, 1961: 41-45, dan Bahar, 1986(a).

19. Ada berbagai pendapat tentang kedudukan Datuk Bungkal di kalangan adik-beradik-nya: Hervey menyatakan dia anak sulung (1884: 251), Datuk Bander Mohamad Hassan, anak tengah (1885) dan Abas pula anak bongsu (1953: 5).

20. Formula yang digunakan untuk mendapat tarikh ini ialah: Sri Rama atau Lela Mahajo, Penghulu atau Undang Rembau yang pertama telah ditahalkan pada tahun 1440. Dengan mengandaikan bahawa beliau pada ketika itu berumur 25 tahun, ibunya (Datuk Bungkal) berumur 40 tahun dan ayahnya (Lela Balang) berumur 45/50 tahun, maka bermakna Datuk Bungkal dilahirkan pada tahun 1500, Lela Balang pada tahun 1495/1480.

L 1540

Lampiran

LAMPIRAN 1

Letters from Syed Shaaban of Rembau Betraying Nanning during the Nanning War

This letter from Toon Koo Syed Sabban to J.B. Westerhout Esq. with compliments etc. in Malacca.

We wrote to our friend regarding Mr. Lewis going to beat Nanning for not obeying the orders of Government.

Therefore assistance came to the Panghooloo of Nanning from all the Malays in great numbers. We are also amongst them together with the Panghoolos of Rumbow but we have not assisted as yet. There being so many men from Rumbow to Nanning is the reason for our following there.

We now inform our friend that if he will settle with Mr. Lewis to pay Spanish Dollar 500 we will get the Malays to return back to their own countries. For what have we got to say to the business? It is the Company's people warring with the Company, and all the Panghoolos will be guided by us, and if we return all the other Panghoolos will also go away. If Mr. Lewis settle it as expressed in this our letter, our friend can send the money together with our friend's signature by the hand of a truly trusted person to us.

We further ask our friend if Mr. Lewis is going to take the country as far as Rumbow. If so, we must decline receiving the money. If he is not going to do so, we will receive it.

After compliments. Dated 19th August 1831

Letter received 22nd August

This letter is from Toon Koo Syed Sabban to J.B. Westerhout Esq. after compliments.

Our friend has requested that all the Panghoolos and ryots should return from Nanning to their own different countries, that when it is ascertained that they have done so Spanish Dollars 500 will be certainly paid to us. Now when our friend's letter came to hand we retired to our separate countries, but the people only agreed to do so for two or three days, and if in that time our friend does not send the money the Panghoolos mean to return to Nanning and then we cannot prevent them.

If our friend sends the Sp. Drs. 500 we will receive it and our friend will see that his friend's wishes will be fulfilled regarding all these Panghooloos.

When the sepoy's were coming up [and here he alludes to Captain Hibgame's party going to Soongye Pattiyel] there was a little fighting amongst the people as our friend's letter only just arrived at the time the troops did.

We were then in Panghooloo Seedin's house at Gajah Mati fast asleep, and suddenly awakened by the report of guns. We therefore immediately retired.

Our friend's wish to take the same Panghooloo of Nanning we cannot comply with, but if our friend's life and ours is spared we shall see what can be done.

Written on 22nd August. These letters brought by Pandeka Ondo Mata mata of Roombyah.

Letter dated 25th August

This letter with sincerity etc etc from Toon Koo Syed Sabban who is now residing in Roombyah and is addressed to J.B. Westerhout Esq with compliments.

Our friend wrote us a letter which has been safely received. From it we understand that our friend states that the Dollars 500 will be brought to Roombyah on Monday 2st Awal or 29th August. As we were to send a trusted person for it, we have now sent Pandeka Ondo and Hadji Talib with our receipt against seal to receive the 500 Dollars in question.

With compliments

Letter enclosed with the above. Now we have to inform our friends as a secret that the Panghooloo of Nanning wants to attack Malacca and he has requested assistance from Rumbow and Moar, but the people of those places cannot any more assist, as we and the Iang de Pertuan of Rumbow cannot assist Nanning any more as we have sworn fealty with our friend and we will never break from our engagements.

The record reads 'facility'

Source: Translations by Lewis copied in SSR B. Sec. Pol 362, Consultations of 14th October 1831.

LAMPIRAN
LAMPIRAN 2

Senarai Penghulu (Undang) Rembau

Bil	Nama	Waris	Kampung	Tarikh Memerintah
1.	Si Rama (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1540-1555
2.	Ambo @ Amba (Sedia Raja)	Jawa	Kota	1555-1605
3.	Lenggang @ Genggang (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1605-1620
4.	Pandak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1620-1645
5.	Uban @ Putih Kepala (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1645-1660
6.	Sagah (Sedia Raja)	Jawa	—	1660-1690
7.	Kurap (Sedia Raja)	Jawa	—	1690-1725
8.	Sabat @ Sobok (Sedia Raja)	Jawa	—	1725-1760
9.	Lulinoh	Jakun	Chengkau	1760-1790
10.	Pekak (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1790-1795
11.	Kosil @ Kesir (Lela Maharaja)	Jakun	Tebet	1795-1812
12.	Bogok @ Bahago (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1812-1819
13.	Ngorit @ Ngarit @ Rensh (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1819-1843
14.	Akhir (Sedia Raja)	Jawa	Pulau	1843-1872
15.	Haji Sahil (Lela Maharaja)	Jakun	Chengkau	1872-1883
16.	Serun bin Sidin (Sedia Raja)	Jawa	Tengah	1883-1905
17.	Haji Sulong bin Meah (Lela Maharaja)	Jakun	Gedong	1905-1922
18.	Abdullah bin Haji Dahan (Sedia Raja)	Jawa	Tanjong	1922-1938
19.	Haji Ipap bin Abdullah (Lela Maharaja)	Jakun	Kota	1938-1962
20.	Haji Adnan bin Ma'ah (Sedia Raja)	Jawa	Bukit	1963—

LAMPIRAN 3

LAMPIRAN 3

Keluarga Diraja Rembau

A. Raja Rembau.

Bil	Nama	Tarikh Memerintah
1.	Raja Melewar	1721/22-1728-29 (Beliau meninggal di Seri Menanti 1740-an)
2.	Raja Adil	1740-an-1773

0.75 pt rule

0.25 pt rule

B. Yang Dipertuan Muda Rembau.

1. Raja Asil bin Raja Adil 1778-1795.
2. Raja Ali bin Raja Aman 1795-1832
3. Syed Syashan bin Syed Ibrahim al-Kadiri 1832-1836

C. Yang Dipertuan Besar Rembau.

1. Raja Ali bin Raja Aman 1832-1836.

0.75 pt rule.

↓ LAMPIRAN 4

bring LAMPIRAN 4 here.

LAMPIRAN
LAMPIRAN 4

Tarikh Penting dalam Sejarah Rembau

<i>Tarikh</i>	<i>Peristiwa</i>
Abad 12	1. Kedatangan perantau <i>pelarian</i> ke Tumasi (Marsden). 2. Penghijrahan daripada Tumasi ke utara Semenanjung Tanah Melayu: Sang Hyang Hujung, Kelang dan Muar; membuka petempatan.
Abad 13 ± 1260	1. Kedatangan perantau <i>pelarian</i> ke Sang Hyang Hujung. 2. Perantau <i>pelarian</i> masuk ke pedalaman Sang Hyang Hujung meneroka kawasan Rembau; di tebing Sungai Penajih (Favre).
Abad 14 1365	Penempatan di Sang Hyang Hujung di bawah takluk Majapahit (<i>Nagarakartagama</i>).
± 1338	Kedatangan perantau peneroka dan pedagang ke Rembau (Abas Haji Ali). Mereka membuat petempatan sementara (dusun).
± 1388	Kedatangan perantau peneroka dan pedagang ke Rembau (Newbold). Mereka membuat petempatan sementara.
Abad 15 ± 1475	Batin Sekudai dilahirkan.
± 1490	Batin Sekudai berkahwin.
± 1490-an	Datuk Leteh, pembesar Minangkabau sampai ke Rembau, menetap di Kampung Relong.
± 1497	1. Datuk Bungkal binti Batin Sekudai dilahirkan di Kampung Relong. 2. Datuk Bungkal diambil oleh Datuk Leteh sebagai anak angkat.
± 1498-1500	Tun Zainal Abidin bin Bendahara Seri Maharaja Tun Perak berada di Lubuk China, Rembau; bergelar Datuk Lubuk China.
Abad 16 ± 1500	Batin Sekudai dan Datuk Leteh berpindah dari Kampung Relong ke Kampung Kebun Lada (Kampung Lada sekarang).
± 1501	1. Batin Sekudai meninggalkan Rembau untuk menetap di Seliau. 2. Datuk Leteh dilantik <i>pentadbir</i> Rembau. 3. Rembau mencapai tahap <i>nagari</i> dalam proses melamorfosis petempatan Minangkabau.
± 1502	1. Batin Pak Nilu membuka hutan gombira di kawasan Kota sekarang.

Tarikkan

Peristiwa

Susunan, ble:
repeat here
for all the
table, an
rule.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATHI PERADABAN

2. Membuat perkampungan untuk Datuk Bungkal.
3. Pokok merbau tua yang tumbuh di Kampung Api-api seka-
rang ditebang.
4. Nama Rembau bertukar daripada *Perabu* kepada *Merbau*
Tua.
- ± 1504
 1. Datuk Lela dan Datuk Bungkal berpindah dari Kampung
Kebun Lada ke Kampung Gombira.
 2. Datuk Bungkal menukar nama Kampung Gombira kepada
Kampung Kotor (Kampung Kota Lama sekarang).
- 1511
 1. Kerajaan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis.
 2. Sultan Mahmud Melaka berundur ke Rembau (Braddell).
- 1512

Ekspedisi tentera Portugis sampai ke sempadan Rembau-
Naning (kawasan Kendung sekarang).
- 1514

Portugis mendirikan kubu di Kuala Sungai Penajih (Kuala
Linggi sekarang).
- 1516-18
 1. Datuk Lela Balang dan orangnya sampai di Kampung
Kotor.
 2. Datuk Laut Dalam dan pengikutnya membuka Kampung
Padang Lekok.
 3. Datuk Lela Balang berkahwin dengan Datuk Bungkal binti
Batin Sekudai.
- 1516-17
1520-an

Si Rama bin Datuk Lela Balang dilahirkan.

 1. *Perikatan Lembaga Yang Lima* atau dikenali juga
sebagai *Berlima Ke Hulu* ditubuhkan di Rembau
Darat.
 2. *Ikatan Bersembilan Suku Ke Hilir* atau dikenali juga se-
bagai *Bersembilan Ke Hilir* ditubuhkan di Rembau Darat.
- 1519-25
 1. Kedatangan Datuk Budi, Datuk Laut, Datuk Baginda dan
Datuk Putih ke Rembau.
 2. Mereka membuat petempatan di Rembau Darat: Kampung
Batu Hampar, Kampung Sungai Layang, Kampung Bin-
tungan dan Kampung Lubuk Rusa-Selemak.
- 1524-25

Si Hawa binti Datuk Laut Dalam dilahirkan di Kampung
Padang Lekok.
- 1539-40
 1. Datuk Lela Balang dengan diiringi Datuk Laut Dalam me-
nghadap Sultan Alauddin Riayat Shah (1527/28-1564) di
Johor Lama.
 2. Sultan merestui perantikan keturunan Datuk Lela Balang
sebagai Penghulu Rembau dan memberi gelaran *Datuk*
Lela Maharaja.
 3. Sultan merestui permintaan Datuk Laut Dalam agar ketu-
runannya juga menjadi Penghulu Rembau secara bergilir
dengan keturunan Datuk Lela Balang, dengan gelaran
Datuk Sedia Raja.
 4. Sultan memberi gelaran baru kepada Datuk Lela Balang:
Datuk Gempu Maharaja, dan Datuk Laut Dalam: *Datuk*
Merah Bangsa (atau *Datuk Merbangsa*).

LAMPIRAN

5. Kerapatan besar adat untuk menyusun struktur dan organisasi politik serta sosial Rembau, khususnya bagi Rembau Baroh.
- 1540
1. Si Rama bin Datuk Lela Balang @ Datuk Gempa Maharaja dikerjankan sebagai Penghulu Rembau pertama di Kampung Kota.
 2. Si Rama dikahwinkan dengan Siti Hawa bin-Datuk Laut Dalam @ Datuk Merbangsa di Kampung Padang Lekok.
 3. Penubuhan *Lembaga Tiang Balai Yang Empat Di Baroh*.
 4. Melantik dan memberi gelaran kepada ketua-ketua suku di Rembau, termasuk suku-suku di Rembau Darat.
- 1540-41
- Ambo bin Si Rama dilahirkan.
1. Kerapatan adat membahagikan Rembau kepada dua: *Rembau Baroh* dan *Rembau Darat*.
 2. Kedatangan orang Tanah Datar daripada Minangkabau di bawah pimpinan Datuk Maharaja Inda Bogok.
 3. Kedatangan orang Tiga Batu di bawah pimpinan Nang Besar.
 4. Kedatangan orang suku Mungkal daripada Macap, Naring, di bawah pimpinan Datuk Mengiang (sekarang disebut Datuk Ngiang).
- 1555
1. Datuk Lela Maharaja Si Rama meninggal dunia.
 2. Ambo bin Si Rama dipilih menjadi Penghulu Rembau kedua.
- 1586
1. Utusan daripada Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Shah (1570-97) menemui Datuk Sedia Raja Ambo meminta bantuan menyerang Melaka.
 2. Orang Rembau membakar dan memusnahkan harta benda di sekitar tebing Sungai Melaka serta menyekat lalu lintas makanan keluar masuk ke Melaka.
 3. Orang Portugis sampai ke sempadan Rembau-Naring. Mereka dipimpin oleh d'Azambuja.
 4. Datuk Ambo memohon perdamaian dengan d'Azambuja.
- Abad 17
- 1605
1. Datuk Ambo meninggal dunia.
 2. Lenggang dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-3 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
- 1620
1. Datuk Lenggang meninggal dunia.
 2. Pandak dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-4 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- 1622
- Rombongan Turku Besar Raja Bujang sampai di Rembau Darat dan membuat petempatan di Kampung Penajih, Ulu Sepri.
- 1623-24
- Sultan Abdul Jalil II (1623-77) Johor melantik Datuk Ganti Maharaja, lembaga suku Anak Melaka sebagai wakil kerajaan Johor di Rembau.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

- | | |
|-------------------|--|
| 1640, 7 September | 1. Rembau menghantar seramai 300 orang tentera membantu Johor dan Belanda menyerang Melaka. |
| 27 Oktober | 2. Rembau menghantar seramai 500 orang tentera dalam serangannya ke atas Melaka. |
| 1641, 14 Januari | 1. Melaka jatuh ke tangan Belanda. |
| Februari-Mac | 2. Lebai Muda dan Hitam ditahan Belanda di Tampin. |
| | 3. Hitam berjaya melepaskan diri dan mendapat perlindungan di Rembau. |
| 1642, Januari | 1. Jan Janz Menie menyekat lalu lintas di Sungai Penajih. |
| Februari | 2. Jan Janz Menie datang ke Rembau menemui Datuk Pandak. |
| | 3. Belanda menebus pelarian Kristian daripada Rembau. |
| | 4. Belanda membuka semula lalu lintas di Sungai Penajih. |
| April | 5. Utusan Sultan Johor menemui Datuk Pandak dan meminta membayar denda \$200. |
| 1-2 Mei | 6. Utusan Rembau berada di Melaka meminta Belanda menjadi pengantaraan dengan Johor tentang denda \$200. |
| 1643, 5 Mei | 1. Orang Rembau membakar kapal dan membunuh dua orang anak kapal Melaka di Sungai Baru. |
| 23 Mei | 2. Peperangan antara orang Rembau dan Belanda di Sungai Penajih berkaitan dengan perbuatan Belanda menutup sungai tersebut. |
| 1644 | 1. Utusan daripada Sultan Johor sampai ke Rembau. |
| Januari | 2. Penghulu Rembau disoalselidik oleh Sultan Johor di Batu Sawar tentang rompakan ke atas Jorge Fernandez dan pembunuhan orang Kristian oleh orang Tampin. |
| 5 Februari | 3. Forsenburgh dan Menie datang menemui Datuk Pandak di Rembau. |
| | 4. Pergaduhan antara Rembau dan Belanda berlaku: semua orang Belanda, termasuk Forsenburgh dan Menie mati terbunuh. |
| 7 Februari | 5. Gabenor van Vliet dan pasukannya diserang hendap oleh orang Rembau. Belanda berundur ke Melaka dan meninggalkan peti berisi wang sejumlah 13,000 rial. |
| Ogos | 6. Sekumpulan enam orang pengintip Rembau-Naning di bawah pimpinan Hitam berjaya mengumpulkan seribu orang tentera untuk melanggar Melaka. |
| 16 Ogos | 7. Orang Rembau-Naning, di bawah pimpinan Hitam berjaya menawan Bukit China, Melaka. |
| | 8. Belanda berjaya mematahkan pemberontakan Rembau-Naning. |
| | 9. Hitam dan kumpulannya kecuali seorang telah dihukum bunuh oleh Belanda. |
| 1645 | 1. Tunku Besar Raja Bujang meninggal dunia di Ulu Sepri. |
| Februari | 2. Tentera Rembau-Naning mengalahkan Belanda di Melekek. |
| | 3. Datuk Sedia Raja Pandak meninggal dunia. |

LAMPIRAN

4. Uban dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-5 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
- 1646
Mac
24 Jun
17 September
1. Tentera Rembau-Naning dikalahkan oleh Belanda di Taboh Naning.
 2. Rembau menghantar perwakilan yang diketuai oleh Datuk Jalila Muluk dan Khatib Sitam Muda ke Melaka merundingkan perjanjian persahabatan Rembau-Belanda.
 3. Pengampunan 24 orang rakyat Rembau-Naning oleh pihak berkuasa Belanda di Betawi yang akan dihukum bunuh.
 4. Rundingan damai diadakan di rumah Datuk Jalila Muluk antara Pembesar Rembau dan Naning dengan Abraham Steen, wakil kerajaan Belanda.
 5. Datuk Uban menandatangani perjanjian perdamaian Rembau-Belanda.
- 1647
1649
1650-an
1659
1660
1670 Disember
1671 Januari
1675
- Neydert Clinkert datang ke Rembau mengutip bayaran atas tuntutan ganti rugi Belanda.
- Sekumpulan orang Sungai Ujong (suku Semelenggang) membuat perkampungan di Rembau Darat. Mereka bernaung di bawah Datuk Mendelika. Kelompok baru ini dikenali sebagai *Semelenggang Empat Ibu*.
1. Satu kumpulan orang Biduanda Jakun di bawah pimpinan Datuk Gindai Lautan datang membuat perkampungan di Rembau Darat.
 2. Sekumpulan orang Minangkabau yang berasal dari Batu Hampar di bawah pimpinan Datuk Sutan Bendahara sampai ke Rembau Darat.
1. Keluarga Diraja Johor datang ke Rembau meminang anak gadis suku Biduanda Jakun bernama Seri Banun. Peminangan itu telah ditolak oleh Orang Kaya Kecil, ayah Seri Banun.
 2. Datuk Lela Maharaja Uban mengisytiharkan bahawa *hak carak Biduanda Jakun menyandang pusaka Penghulu Rembau dicabut* (dilucutkan) *untuk sekali giliran* kerana dianggap *menderhaka* menolak pinangan diraja Johor.
 3. Si Amat anak Orang Kaya Kecil dan saudara kandung Seri Banun dihukum bunuh oleh Sultan Abdul Jalil II (1623-77).
1. Datuk Lela Maharaja Uban meninggal dunia.
 2. Sagah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-6 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- Utusan Datuk Sagah menghadap Sultan Johor untuk meminta izin menyerang Belanda di Melaka.
- Datuk Sagah menemui Penghulu-penghulu Sungai Ujong, Kelang dan Naning merundingkan hal menjemput seorang putera raja dari Minangkabau.

NEGERI YANG SEMBILAN; WARISAN SATU PERADABAN

1677 Februari Mac	Raja Ibrahim, putera raja Minangkabau sampai ke Rembau. Raja Ibrahim mengutus surat kepada Belanda di Melaka meminta Melaka jangan lagi mengganggu Rembau dan Nanning. Surat itu tidak dijawab oleh pihak Belanda.
April	1. Raja Ibrahim dengan diikuti 3,770 orang pengikut bersedia menyerang Melaka. 2. Raja Ibrahim berjaya menawan beberapa kawasan di pinggir bandar Melaka.
Jun	Raja Ibrahim dan tenteranya berundur dari Melaka dan balik ke Rembau-Nanning.
November- Disember	Raja Ibrahim mengadakan beberapa rundingan dengan Sultan Kuantan, Sunatera untuk mengadakan pakatan atas dasar <i>keturunan Minangkabau</i> , menyerang Belanda di Melaka. Mereka gagal mencapai kata sepakat.
1678	1. Raja Ibrahim membuat permuafakatan dengan orang-orang Bugis dan Makasar di Kelang atas dasar <i>seagama</i> untuk menyerang Belanda di Melaka. 2. Belanda menyerang Rembau; ikatan <i>seagama</i> yang cuba diwujudkan oleh Raja Ibrahim itu gagal.
Oktober	3. Raja Ibrahim mati dibunuh oleh Baggia, hamba kepunyaan Datuk Raja Merah, Penghulu Nanning.
November	4. Datuk Sagah membaharui perjanjian persediaan dan persehabatan dengan Belanda.
1680, Januari	1. Utusan Datuk Sagah ke Melaka merundingkan suatu perjanjian perdamaian dengan Belanda.
13 Februari	2. Surat perjanjian damai Rembau-Melaka ditandatangani di Melaka.
1690	1. Datuk Sagah meninggal dunia. 2. Kurap dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-7 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
Abad 18.	
1705	Berlaku 'kekacauan' di Rembau berkaitan dengan hamba kepunyaan Encik Panda.
1706	1. Rembau bangun memberontak menentang Johor.
Julai	2. Pemberontakan Rembau dapat dipatahkan oleh Bendahara Tun Mas Anum dan Sri Nara Diraja.
1707	Bendahara Tun Mas Anum menganugerahkan cap mohor yang bertulis ' <i>dengan restu Bendahara Sri Maharaja</i> ' kepada Penghulu Rembau.
1715	1. Rembau didatangi utusan Sultan Johor di bawah pimpinan Sri Bija Wangsa dan Orang Kaya Paduka Sri Dewa serta Encik Yusof bersama suatu angkatan perang meminta bantuan mengeluarkan orang Bugis daripada Linggi. Angkatan Johor-Rembau-Sungai Ujong gagal mengeluarkan orang Bugis daripada Linggi.

LAMPIRAN

Mei	3. Satu lagi angkatan Johor di bawah pimpinan Temenggong Tun Alkhaf Jamsi tiba di Rembau meminta bantuan menyerang Linggi sekali lagi. Ekspedisi ini juga menemui kegagalan.
Julai-Ogos	4. Sekali lagi Rembau menghantar tentera membantu angkatan perang Johor di bawah pimpinan Laksamana Sri Nara dan Sri Bija Wangsa menghukum orang-orang Air Hitam dan Sungai Tuan kerana membantu Bugis dalam ekspedisi sebelumnya.
1716, April	Rembau membantu Raja Muda Tun Mahmud Johor memper-tahankan Selangor daripada serangan Daeng Marewah. Angkatan Johor-Rembau mengalami kekalahan.
1721	Datuk Kurap menghantar utusan ke Pagarruyung meminta seorang putera raja.
1721-22	Raja Melewar ditabalkan sebagai <i>Raja Rembau</i> di Penajih.
1723	Rembau diserang Raja Khatib. Satu pertempuran berlaku di Kampung Bukit. Raja Melewar telah kalah dan berundur me-lindungi diri di Sepri.
1725	1. Datuk Kurap meninggal dunia. 2. Selepas kekecuaan, Sobok @ Sabat telah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-8 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
1726-27	Angkatan perang Raja Melewar dari Rembau menyerang Raja Khatib di Seri Menanti. Raja Khatib melarikan diri ke Melaka (Naning).
1728-29	Raja Melewar diusir keluar daripada Rembau oleh Datuk Sabat.
1740-an	1. Raja Melewar meninggal dunia di Seri Menanti. 2. Raja Adil, seorang putera Bugis diletakkan di Rembau se-bagai <i>Raja Rembau II</i> dan wakil kerajaan Johor di Rembau. 3. Raja Adil berkahwin dengan Cik Menek, wanita Tampin, anggota suku Tiga Batu. 4. Raja Adil ditempatkan di Pedas, Rembau Darat.
1750 ambil dari ms sejarah	1. Daeng Kemboja berundur diri daripada Linggi ke Rembau setelah diusir oleh Yang Dipertuan Kecil Terengganu dan Daeng Tumik.
1756	2. Daeng Kemboja membuat persetiaan dengan kerajaan Rembau.
Julai	3. Raja Adil serta tentera Rembau membantu Daeng Kemboja menyerang Melaka, Tranquera dan Kelebang ditawan. Perang berlanjutan untuk lebih kurang sembilan bulan.
Oktober	1. Tentera Rembau-Bugis terpaksa berundur dari kawasan Melaka.
1757	2. Daeng Kemboja menetap di Rembau Hilir.
Julai-Ogos	3. Pembesar-pembesar Rembau dan Kelang telah ke Melaka menemui Jacob Morsel untuk membuat perjanjian tetapi gagal kerana Linggi tidak ada wakil.
29 September	

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

	4. Semasa di Melaka ini Datuk Sabat telah berkahwin dengan seorang wanita Portugis.
November	5. Daeng Kemboja dan keluarganya berpindah ke Pedas berhampiran tempat kediaman Raja Adil.
12 Disember	6. Perjanjian Johor-Belanda ditandatangani dan Johor menyerahkan Rembau dan Linggi ke tangan Belanda.
1758, 1 Januari	Rembau yang hanya diwakili oleh Raja Adil, Belanda dan Bugis (Linggi) menandatangani satu perjanjian di Fort Filipina, di Kuala Linggi sekarang.
1759, 11 November	Satu lagi perjanjian, menggantikan perjanjian Januari 1758 yang tidak sah telah ditandatangani oleh Pembesar-pembesar Rembau, Kelang, Linggi dan Belanda.
SI 1760	1. Datuk Sabat meninggal dunia. 2. Lulinsuh telah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-9 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
1761	1. Jenazah Tunku Raja Diharoh yang meninggal di Selangor dibawa ke tempat kediaman Daeng Kemboja di Pedas. 2. Daeng Kemboja bersama keluarga balik ke Riau mengiringi jenazah dan terus tinggal di Riau.
1775	Serombongan orang Bugis daripada Riau yang diketuai oleh Awaluddin dan Serlah datang ke Rembau untuk membuat perkampungan. Mereka telah diberi tempat di Bandar, Penajih.
1778	1. Raja Adil (Raja Rembau II) meninggal dunia. 2. Raja Asli bin Raja Adil dilantik menjadi <i>Yang Dipertuan Muda Rembau</i> . Beliau menggelarkan dirinya <i>Sultan Mahmud Shah</i> .
1783	1. Orang Bugis yang membuat perkampungan di Bandar meninggalkan Rembau dan berpindah ke kawasan baru iaitu di kawasan Linggi sekarang.
Disember	2. Raja Ibrahim daripada Selangor datang ke Rembau meminta bantuan menyerang Melaka.
1784 Januari	1. Orang Rembau dan tentera Selangor menyerang Melaka. 2. Orang Rembau Darat membantu Datuk Kelana Lela Bugis menentang Belanda di Simpang.
1787, Mei-Jun	Rembau membantu Sultan Mahmud Shah, sultan Riau-Lingga mengepung Dinding dan membuat pendaratan di pantai Pulau Pirang.
1790	1. Datuk Lulinsuh meninggal dunia. 2. Pekak dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-10 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. 3. Pasah, seorang lagi calon pusaka penghulu yang tidak puas hati telah mengadukan hal kepada Sultan Mahmud Shah (1781-1812) di Lingga. Sebagai penyelesaian Pasah dikurniakan gelaran <i>Datuk Mangkubumi</i> yang bertaraf <i>Orang Besar Penghulu</i> dan jawatan ini kekal di kalangan waris Biduanda Jawa Kampung Tanjung.

hasil
ke us
2000 - akhir
tahun 1750

- 1795
1. Raja Hitam ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Seri Menanti di Penajih, Rembau.
 2. Datuk Pekak yang sedang uzur telah mewakilkan Datuk Perba Kosil pergi ke Melaka berunding dengan kerajaan Inggeris dan menandatangani persetujuan antara Rembau dengan Inggeris di Melaka.
 3. Datuk Perba Kosil enggan meletakkan taraf wakil sekembalinya dari Melaka. Beliau memaksa Datuk Pekak menyerahkan pusaka Penghulu kepadanya.
 4. Kosil dikerjankan sebagai Penghulu Rembau ke-11 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
 5. Raja Ali merampas kuasa Yang Dipertuan Muda Rembau daripada Raja Asil.
 6. Raja Asil mengundur diri ke Naning.
- 1795-96 Raja Asil meninggal dunia di Naning.
- Abad 19
- 1801-2
1. Tertubuhnya *Ikatan Suku Yang Lima* atau *Berlima Disebelah Baruh*.
 2. Penghulu Rembau dengan rasmi mengiktiraf kewujudan ikatan: *Berempat Berlima Suku Di Baroh* dan *Berlima Bersembilan Suku Di Darat* dalam kerajaan Rembau.
- 1808 Raja Lenggang Laut ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar Seri Nebatti di Penajih, Rembau.
- 1812
1. Datuk Lela Maharaja Kosil meninggal dunia.
 2. Bogok dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-12 dengan gelaran Datuk Sedia Raja.
- 1819
1. Raja Ali bersama Raja Lenggang Laut mewujudkan institusi *Lembaga Yang Empat Di Darat*.
 2. Datuk Bogok meninggal dunia.
 3. Ngonit @ Reneh @ Ramah dipilih menjadi Penghulu Rembau ke-13 dengan gelaran Datuk Lela Maharaja.
 4. Raja Ali pula melantik Pakat ahli waris suku Biduanda Jawa sebagai Penghulu Rembau. Perlantikan Pakat tidak mendapat pengiktirafan Lembaga Tiang Balai Rembau.
- Jun
5. Timmermorn Tysser, Gabenor Belanda di Melaka menghantar utusan menjemput penghulu dan Pembesar-pembesar Rembau ke Melaka.
 6. Semasa di Melaka mereka menandatangani suatu perjanjian persahabatan dengan Inggeris.
- 1824 Raja Lenggang Laut meninggal dunia.
- 1826
1. Raja Labu ditabalkan sebagai Yang Dipertuan Besar di Penajih, Rembau oleh Penghulu Rembau, Penghulu Sungai Ujong dan Penghulu Naning. Baginda diberi gelaran Yamtuan Sati.
 2. Raja Labu menyerang Raja Ali.
- 1829 'Perang' antara Raja Labu dengan Raja Ali tamat.

NEGERI YANG SEMBILAN: WARISAN SATU PERADABAN

1830	1. Raja Labu diusir keluar daripada Seri Menanti dengan perkenan Datuk Kelana Sungai Ujong. 2. Pembesar-pembesar Rembau ke Melaka mengadakan rundingan dengan Inggeris. Kedua-dua pihak bersetuju menandatangani suatu perjanjian.
1831 Ogos	1. Perang Nanning meletus. Rembau membantu Dni Said Penghulu Nanning.
19 Ogos	2. Syed Syaaban berpaling tadah membantu Inggeris dengan mendapat bayaran berjumlah \$500 Sepanyol.
30 November	3. Inggeris membuat perjanjian dengan Rembau; tetapi tidak sah kerana Lembaga Tiang Balai tidak berserta.
1832, 28 Januari	1. Pembesar-pembesar Rembau menandatangani perjanjian (membaharui perjanjian November 1831) di Simpang.
30 April	2. Syed Syaaban dan pengikutnya membantu Inggeris menyerang Nanning dan memainkan peranan penting memastikan kemenangan Inggeris.
13 September	3. Raja Ali mengisytiharkan dirinya sebagai <i>Yang Dipertuan Besar</i> Rembau dan Syed Syaaban telah dilantiknya menjadi Yang Dipertuan Muda.
21 Oktober	4. Ibbetson Gabenor Negeri-negeri Selat mengunjungi tempat kediaman Raja Ali di Bandar, Rembau.
1833 9 Januari	1. Perjanjian sempadan Rembau-Melaka ditandatangani.
23 Januari	2. Syed Syaaban mula menjalankan aktiviti mencukai lalu lintas perdagangan Sungai Linggi di Simpang.
September-November	3. Perang Rembau-Linggi meletus.
1834	1. Syed Syaaban melakukan percubaan membunuh Datuk Ngonit tetapi gagal. 2. Datuk Ngonit berserta Datuk Kelana dan Raja Radin memihak kepada Datuk Kattas Linggi menentang Syed Syaaban dan Raja Ali.
1836	1. Syed Syaaban dan Raja Ali diusir keluar daripada Rembau.
1837	- Raja Radin Yang Dipertuan Besar Seri Menanti melantik seorang ahli waris Biduanda Jakun daripada Kampung Chengkau belahan Chembong menjadi wakilnya di Rembau dengan gelaran <i>Datuk Raja Diraja</i>. Datuk ini diberi taraf Orang Besar Penghulu. 2. Institusi Yang Dipertuan Muda Rembau dihapuskan.
1843	1. Datuk Ngonit meninggal dunia. 2. Berlaku pertelingkahan mencari pengganti. 3. Akhir dipilih menjadi Penghulu Rembau yang ke-14 dengan gelaran Datuk Sedia Raja. Calon lain terutama Lebai Kulop tidak berpuas hati perlantikan Datuk Akhir itu. 4. Lebai Kulop memanjangkan tuntutananya itu dengan menggunakan senjata. 5. Rembau meminta jasa baik Datuk Kelana Kawal menjadi orang pengantara dalam pertelingkahan Datuk Akhir dengan Lebai Kulop.

LAMPIRAN

6. Datuk Kelana Kawal melantik seorang waris Bickanda Jakun Kampung Chengkau yang diberi gelaran *Datuk Menteri Penghulu* sebagai wakil khasnya di Rembau.
- 1844
1. Pembesar-pembesar Rembau mulai melibatkan diri dalam aktiviti mencukai di Sungai Linggi, khususnya di Simpang.
 2. Mula berlaku bertelingkahan sempadan di Sungai Linggi antara Rembau, Sungai Ujong dan Selangor.
- 1847
1. Syed Syaaban menyatakan kesanggupannya membantu Datuk Akhir memerangi Lebai Kulop dengan syarat beliau dilantik semula sebagai Yang Dipertuan Muda Rembau.
 2. Satu majlis perundingan diadakan antara Pembesar-pembesar Rembau dengan Inggeris tentang Syed Syaaban itu.
 3. Inggeris menolak permintaan Syed Syaaban.
- 1848
1. Lebai Kulop meninggal dunia.
 2. Gelaran Datuk Menteri Penghulu, wakil Datuk Kelana dalam pertelingkahan Datuk Akhir dengan Lebai Kulop ditukar menjadi *Datuk Menteri Lela Perkasa*. Datuk ini diberi taraf Orang Besar Penghulu dan khas untuk disandang oleh waris Kampung Chengkau.
- 1850
1. Raja Ali meninggal dunia di Keru Tampin.
 2. Syed Syaaban diberi kuasa oleh Inggeris untuk memerintah Tampin dan direstui oleh Pembesar-pembesar Rembau. Beliau diberi gelaran *Tunku Besar Tampin*.
- 1851
- Inggeris mengadakan suatu pertemuan di Melaka antara Datuk Akhir, Datuk Kelana Kawal dan Raja Radin untuk menyelesaikan masalah pencukain di Sungai Linggi, khususnya kegiatan Lebai Kulop. Datuk Kelana tidak hadir. Datuk Akhir berjanji akan menyiasat perbuatan dan menghentikan aktiviti Lebai Kulop.
- 1855
1. Kegiatan mencukai di Sungai Linggi semakin bertambah dengan terlibatnya tiga orang pembesar lain.
- Ogos
2. Datuk Kelana Kawal menyerang tol-tol cukai di Sungai Linggi.
- 1857
- Kapal Perang *Amethyst* memusnahkan kubu pencukain di Pengkalan Kempas.
- 1859
1. Datuk Kulup Turuggal, Syahbandar Sungai Ujong melibatkan diri dalam pencukain di Sungai Linggi. Berlaku pertelingkahan antara Datuk Syahbandar dengan Datuk Kelana.
 2. Datuk Akhir diminta menjadi orang tengah dalam konflik Bander-Kelana itu.
 3. Datuk Akhir, Datuk Kelana dan Raja Radin menaikkan cukai ke atas pelombong China.
- 1860
1. Datuk Akhir memberi kuasa kepada Haji Musa untuk memungut cukai di Lubok China.
 2. Perbuatan ini menegangkan perhubungan Datuk Akhir dengan Datuk Kelana dan Datuk Kattas Linggi.

LAMPIRAN

Disember	7. Datuk Haji Sahil menyerang dan memusnahkan kubu Haji Mustapha.
1874, 13 Februari	8. Haji Mustapha mencari perlindungan di Singapura. 1. Suatu rundingan damai diadakan di Singapura. Datuk Haji Sahil tidak hadir tetapi menghantar wakil.
April	2. Orang Rembau melakukan kekacauan di Sungai Linggi.
2 Mei	3. Satu pertemuan diadakan di Kuala Linggi untuk menyelesaikan masalah cukai di Sungai Linggi. Datuk Haji Sahil tidak hadir kerana sakit.
3 Mei	4. Perjumpaan tersebut (2 Mei) dipindahkan ke Simpang. Datuk Haji Sahil tidak hadir tetapi mengirim surat menafikan penglibatannya dalam masalah cukai Sungai Linggi.
5 Mei	5. Inggeris memusnahkan benteng di Bukit Tiga.
